

Jilid I
Bil. 26



Hari Rabu
7hb Ogos, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3401]

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 [Ruangan 3402]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak [Ruangan 3444]

Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kabajikan (Pembubaran) [Ruangan 3491]

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) [Ruangan 3502]

Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-Iangkah Keselamatan) (Pindaan) [Ruangan 3539]

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN— DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.
(Dilantik).

Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN
MOHAMED (Dilantik).

TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).

TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).

TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).

TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik-Wilayah
Persekutuan).

PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).

TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).

DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).

TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.I.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW BOCK (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DERUS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahniad bin Buntu, A.M.N., H.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 7hb Ogos, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT DAN
PENANGGUHAN**

2.33 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana
Menteri dan Menteri Kehakiman
(Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar
Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya
mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun
peruntukan-peruntukan Peraturan
Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara
tidak akan ditangguhkan hari ini
sehingga telah selesai dipertimbang-
kan semua sekali urusan yang tertera
dalam Aturan Urusan Mesyuarat
untuk hari ini, dan apabila tamat
mesyuarat, Dewan ini akan di-
tangguhkan kepada suatu tarikh
yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng
Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya
mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, masalah di hadapan
Majlis ialah satu usul atas nama
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun
peruntukan-peruntukan Peraturan
Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara
tidak akan ditangguhkan hari ini
sehingga telah selesai dipertimbang-
kan semua sekali urusan yang tertera
dalam Aturan Urusan Mesyuarat
untuk hari ini, dan apabila tamat
mesyuarat, Dewan ini akan
ditangguhkan kepada suatu tarikh
yang tidak ditetapkan.

USUL**RANCANGAN MALAYSIA
KEENAM 1991-1995**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan
bagi menyambung semula perbahasan
yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat
ekonomi negara dan pencapaian
yang ketara ke arah matlamat sosio-
ekonomi dalam tempoh per-
laksanaan Rancangan Malaysia
Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan hasrat Rukunegara, kearah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (6hb Ogos, 1991)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian menyambung jawapannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian Malaysia. Mereka adalah Yang "Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang, Yang Berhormat Puan

Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh, Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat dan Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Sipul.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad membangkitkan masalah kemiskinan di Sarawak dan berharap lebih banyak rancangan pertanian bersepadu serta khidmat sokongan diberikan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemiskinan di Sarawak, Kementerian Pertanian mempunyai program yang meliputi pembangunan kawasan iailu meliputi penubuhan IADP. Terdapat sekarang dua projek IADP dalam peringkat pelaksanaan iaitu di IADP Kalaka-Saribas dan IADP Samarahan dan juga melalui program-program tertentu pembangunan tanaman dan ternakan. Walaupun negeri Sarawak masih mempunyai banyak tanah yang telah dibangunkan secara pembangunan tanah baru, namun masalah kos pembangunan yang tinggi serta masalah yang berhubung dengan Native Customary Rights, masih wujud dan perlu diatasi. Sementara itu Kementerian Perlanian akan menekankan kepada pembangunan tanah untuk tujuan mengurangkan kadar kemiskinan melalui pembangunan *in situ*, termasuk cadangan pelaksanaan sebuah lagi projek IADP iaitu projek IADP di Sarawak Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail mencadangkan supaya pengeluaran di sektor pertanian ditingkatkan, khususnya pengeluaran bahan makanan iaitu beras, memandangkan penduduk Malaysia yang makin bertambah. Mengenai cadangan ini, Kementerian ingin memaklumkan bahawa pada masa sekarang negara kita adalah 73%, dengan izin, self-sufficient, iaitu

sebanyak 73% daripada keperluan beras negara dikeluarkan di negara ini. Walaupun kita merupakan sebuah negara yang, dengan izin, high cost producer, pada masa sekarang pengeluaran padi ditumpukan kepada 8 buah kawasan jelapang padi dan sawah-sawah yang di luar jelapang padi akan dibangunkan untuk ditanam dengan tanaman yang lain yang mempunyai, dengan izin, high value, termasuk kegunaan bukan pertanian.

Walau bagaimanapun, di dalam kerja-kerja penilaian semula Dasar Pertanian Negara yang sedang dijalankan sekarang ini, Kementerian Pertanian telah diarahkan supaya memastikan bahawa menjelang tahun 2010, negara dapat mengeluarkan sekurang-kurangnya 65%—70% daripada keperluan sendiri beras negara. Ini bermakna kawasan-kawasan padi yang ada sekarang bukan sahaja perlu dikekalkan, malah kawasan-kawasan yang lain perlu dikesan supaya jumlah pengeluaran yang diperlukan itu dapat dipenuhi. Cadangan-cadangan ke arah merealisasikan peningkatan pengeluaran beras akan dibuat dalam laporan penilaian semula Dasar Pertanian Negara nanti. Ini mungkin juga meliputi cadangan supaya kawasan-kawasan jelapang padi yang ada sekarang, termasuk MUDA, dikekalkan untuk tanaman padi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan cadangan supaya pengeluaran makanan diberi perhatian, Kementerian Pertanian juga ingin menekankan bahawa bagi bahan-bahan makanan yang lain, Kementerian juga diarah supaya dalam kajian semula Dasar Pertanian Negara, perlu dipastikan bahawa menjelang tahun 2010, negara ini dapat mengeluarkan kesemua keperluan bahan makanan dan jika dapat mengeksport bahan-bahan tersebut.

Akhir sekali, ingin juga dimaklumkan bahawa dalam konteks Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Wawasan 2020 penekanan pembangunan sektor pertanian di masa hadapan akan ditekankan kepada perubahan dan transformasi sektor tersebut kepada sektor yang, dengan izin, highly commercial and market oriented serta dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Penggunaan teknologi yang, dengan izin, up-to-date dan perladangan yang komersial termasuk melalui penglibatan pelabur-pelabur asing akan ditekankan. Ini termasuk penggubalan insentif tertentu untuk membawa sektor pertanian kepada sektor yang moden dan efisien. Pembangunan sektor pertanian juga akan mengambilkira secara, dengan izin, explicit, pertimbangan alam sekitar dan conversion pendekatan pembangunan sektor pertanian akan dilaksanakan dalam konteks, dengan izin, sustainable and development. Aspek-aspek tersebut akan diliputi dalam kerja-kerja penilaian semula Dasar Pertanian Negara yang sedang dilaksanakan sekarang.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah Che Mat supaya perlonggaran diberikan kepada individu ataupun syarikat untuk mengimport beras. Kerajaan menetapkan supaya LPN sahaja mengimport beras bagi pihak Kerajaan oleh kerana kepentingan-kepentingan keselamatan, bekalan dan kestabilan pasaran beras di dalam negara. Beras yang diimport oleh Kerajaan bagaimanapun diedarkan di dalam negara melalui pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit dengan keutamaan diberi kepada bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan, teguran dan pandangan masing-masing. Pihak Kementerian

akan meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

2.44ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keenam pada kali ini kepada Kememerian Pertahanan,

Yang Berhormat Senator Haji Ahmad Haji Abdullah dan Yang Berhormat Senator Haji Ahmad Zahid Hamidi mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan menggantikan atau membeli peralatan yang baru yang lebih moden dan canggih dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu dan kecekapan anggota tentera.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kementerian Pertahanan dan Kerajaan untuk mendapatkan peralatan tentera yang moden dan canggih dalam usaha kita untuk meningkatkan lagi keupayaan kekuatan pertahanan kita dan selaras dengan perkembangan sekarang. Dalam usaha ini Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa dengan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan, menggantikan peralatan lama dengan peralatan baru yang bersesuaian dengan keperluan kita seperti pembelian 28 buah kapal terbang Hawk, peralatan radio radar Matelo, kapal Covac dan sebagainya.

Selain daripada membeli peralatan baru, Kementerian Pertahanan juga menjalankan program membaikpulih dan meningkatkan lagi keupayaan

mana-mana peralatan yang sedia ada dalam usaha untuk meningkatkan lagi keupayaan seperti Helikopter Nuri yang akan dibaikpulih dan akan menjadi pesawat yang moden dan canggih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mustafa Awang meminta Kementerian Pertahanan memberi latihan istimewa kepada anggota tentera. Mengenai perkara tersebut sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa sememangnya merancang dan melaksanakan program latihan yang istimewa kepada anggota tentera kita dalam usaha untuk meningkatkan lagi kemampuan dan kecekapan mereka. Latihan ini dijalankan di semua lapisan pemerintahan dalam perkhidmatan tentera. Selain daripada itu latihan bersama tentera negara jiran dan sahabat juga dikendalikan dalam usaha untuk menambahkan kecekapan dan kemampuan anggota tentera dalam semua perkara yang berkailan. Selain daripada latihan-latihan berbentuk peperangan, tumpuan juga dibuat kepada latihan dalam bidang akademik dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengeahuan anggota tentera kepada keperluan pertahanan yang baru dan moden.

Yang Berhormat juga mengingatkan Kementerian Pertahanan supaya pada masa hadapan berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan kepada media massa kerana dengan tidak disedari rahsia-rahsia pertahanan negara mungkin tersebar kepada musuh. Kementerian Pertahanan amat menghargai ingatan tersebut dan akan memastikan bahawa rahsia-rahsia pertahanan negara akan dikawal seketal mungkin supaya tidak tersebar kepada pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh mengancam atau mendatangkan bahaya kepada keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah Che Mat dan Yang Berhormat Senaior Haji Ahmad Zahid Hamidi telah mencadangkan supaya elaun sewa rumah dan gaji anggota tentera khasnya anggota lain-lain pangkat dapat dikaji semula. Mengenai cadangan supaya elaun bantuan sewa rumah kepada anggota tentera ditambah, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan telahpun menubuhkan satu jawatankuasa untuk menentukan sama ada kadar-kadar tersebut adalah memenuhi kehendak semasa.

Mengenai soal kenaikan gaji, dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kaki-tangan Perkhidmatan Awam menikmati pelarasan kenaikan gaji, anggota tentera akan menikmati juga seperti mana pelarasan kenaikan gaji di awal tahun.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Senator K. Munisamy berkenaan dengan jumlah peruntukan kepada Kementerian Pertahanan adalah terlalu tinggi memandangkan tidak adanya ancaman kepada keselamatan sekarang ini. Sukacita saya perjelaskan di sini bahawa peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pertahanan adalah bertujuan untuk memodenkan lagi Angkatan Tentera Malaysia. Selaras dengan perkembangan sistem pertahanan sekarang dan juga bertujuan untuk membiayai pembinaan perumahan yang cukup kepada anggota tentera. Suka juga saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini walaupun ancaman daripada komunis tidak ada lagi ataupun berkurangan tetapi negara sentiasalah harus berada di dalam keadaan di mana kita boleh mempertahankan negara kita daripada serangan ataupun penaklukan daripada negara-negara yang lain yang kita tidak dapat jangka bila akan berlaku kepada kita. Tidak ada guna bagi kita menjadi sebuah negara yang maju, yang kaya

jika tidak mempunyai sistem perlahanan negara yang kukuh untuk menjamin kedaulatan negara kita. Jadi, adalah tidak tepat bagi kita mengatakan bahawa bila ancaman Komunis ini sudah berkurangan bahawa kita tidak perlu lagi membelanjakan peruntukan yang tinggi kepada pertahanan, Pengalaman negara-negara yang kecil seperti Kuwait baru-baru ini mengajar kita bahawa kita perlu sentiasa bersedia mempertahankan kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih bagi pihak Menteri Pertahanan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan juga sasaran kepada Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk memberikan jawapan.

2.51 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Abdul Rashid Ismail supaya Kerajaan meneruskan usaha-usaha yang lebih gigih ke arah mewujudkan kebudayaan kebangsaan bagi menjamin wujudnya masyarakat Malaysia yang lebih padu dan harmoni.

Saya sukacita memaklumkan bahawa untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang lebih padu dan harmoni, semua anggota masyarakat perlu terlibat. Dalam hal ini, Kementerian ini sedang menyusun dan memperkemas strategi program-program kebudayaan yang melibatkan semua lapisan kaum. Di samping itu, jentera pentadbiran sedang dipertingkatkan dengan menambahkan tenaga kerja dan juga pejabat di peringkat negeri. Adalah diharapkan penggembelingan semua pihak yang terlibat dan sambutan yang baik dari semua masyarakat terhadap program-program yang dirancang dan dijalankan akan mempercepatkan pelaksanaan kebudayaan kebangsaan bagi menjamin wujudnya masyarakat Malaysia yang lebih padu dan penyayang.

Berhubung dengan saranan agar projek-projek memajukan industri pelancongan tidak merosakkan alam sekitar, saya sukacita memaklumkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Keenam, perhatian yang serius akan diberi kepada perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan ini, program dan projek pelancongan akan dijalankan secara terpilih dan akan meliputi kawalan ke atas pencemaran, pembuangan najis, hakisan pantai dan tanah serta pemeliharaan pantai, hutan dan eco-system lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, adalah dimaklumkan usaha-usaha untuk menjaga dan mengawal kebudayaan kebangsaan sememangnya dilakukan melalui pelaksanaan program yang dirancang dari masa ke semasa. Program-program tersebut dilakukan dengan mengambilkira semua aspek termasuklah aspirasi masyarakat Malaysia supaya ianya selari dan tidak bercanggah dengan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Itam Wali bin Nawan supaya perkampungan Orang Asli dijadikan bahan untuk menarik pelancong, saya sukacita memaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar bahawa kediaman Orang Asli adalah merupakan satu-satunya kawasan yang berpotensi untuk menarik pelancong-pelancong. Keunikan hasil kerjatangan mereka sentiasa mendapat perhatian Kerajaan. Justeru itu, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menyediakan peruntukan untuk membangunkan kawasan serta meningkatkan aktiviti-aktiviti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang dan Pulau Carey, Selangor. Kerajaan telah juga sentiasa mengenengahkan Kumpulan Kesenian Orang Asli untuk mengambil bahagian dalam pesta-pesta dan majlis keramaian dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Isli bin Haji Siput supaya Pulau Labuan dibangunkan sebagai destinasi pelancongan, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini promosi pelancongan Pulau Labuan dibuat secara sederhana sahaja. Ini disebabkan Pulau Labuan masih lagi kekurangan bilik-bilik hotel, tempat-tempat lawatan serta kekerapan penerbangan.

Namun demikian, sejajar dengan pengisytiharan Kerajaan menjadikan pulau ini sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, maka sebagai permulaan Kementerian ini telah merancang untuk menganjurkan program -Labuan Fest, dengan izin, pada bulan November 1991 dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Wilayah-Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri. Labuan Fest akan dipenuhi dengan acara-acara seperti expo pembangunan, gerai jualan makanan,

teater tradisi, seni lukis, bangsawan, konsert kanak-kanak, pementasan perdana, demonstrasi kraf dan sukan laut dan darat.

Sebagai langkah jangka panjang, pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mewujudkan Leisure Industry, dengan izin, di Pulau Labuan yang meliputi rangkaian produk serta perkhidmatan yang menarik seperti kemudahan lawatan tempat-tempat menarik, bersukan dan riadah, pembinaan Pusat Konvensyen, menangkap ikan di laut dalam, projek nelayan termasuk aktiviti-aktiviti pembinaan medan ikan bakar, restoran, sport fishing, chalet terapung dan bot pelancong.

Kerajaan juga akan membina hotel, padang golf dan mengadakan kampung air contoh untuk tarikan pelancong. Projek ini akan dilaksanakan secara bersepadu.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Dato' Ng Thian Hock supaya kemudahan pelancongan disediakan bagi mereka yang berpendapatan rendah, saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam, penckanan yang lebih akan diberi kepada penyediaan kemudahan penginapan yang mencukupi dan yang mampu dibayar oleh pelancong khususnya pelancong tempatan. Peruntukan sebanyak \$163.3 juta telah disediakan untuk kemudahan-kemudahan penginapan seperti chalet, tapak-tapak perkhemahan, hotel-hotel berkongsi sederhana, asrama belia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perlanyaan daripada Yang Berhormat Senator Mustafa Awang mengenai kursus dan insentif kepada

pengusaha bumiputera di bidang pelancongan, saya suka memaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut ada disediakan di MARA iaitu bagi pinjaman pembinaan chalet yang berharga di antara \$5,000 hingga \$7,000. Pinjaman ini tidak memerlukan cagaran dan pemohon hendaklah mempunyai tanah sendiri. Di samping itu, terdapat juga kursus pembangunan keusahawanan bagi pengusaha-pengusaha bumiputera.

Mengenai kemudahan inseniif, kemudahan ini ada disediakan melalui Akta Galakan Pelaburan 1986 seperti berikut:

. Yang pertama, Pioneer Status ataupun Galakan Perintis iaitu 5 tahun pengecualian cukai perniagaan dari tarikh mula beroperasi.

Yang kedua, Galakan Elaun Pelaburan iaitu 5 tahun pengecualian cukai mulai tarikh projek diluluskan. Pengecualian cukai sehingga 10% boleh diberikan tertakluk syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Penempatan (lokasi).
- (ii) Ekuiti.
- (iii) Pelaburan dalam harta-harta teiap berjumlah tidak kurang \$50 ribu juta.
- (iv) Keperluan gunatenaga rakyat Malaysia tidak kurang 300 orang; dan akhirnya,
- (v) Rantaian Antarabangsa.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran yang membina dalam usaha untuk meningkatkan industri pelancongan negara. Kesemua teguran ini akan diambil perhatian dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam

merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk memberikan jawapan.

3.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyalurkan tenlang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah yang telah menyentuh mengenai kemudahan Taman Asuhan Kanak-kanak di mana ibu-ibu boleh meninggalkan anak-anak mereka pada masa mereka berada di tempat kerja.

Kerajaan memang menyedari bahawa kaum wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dan mereka juga merupakan

sumber ekonomi yang penting. Untuk membolehkan mereka terus menyumbang dalam ekonomi, Kerajaan sentiasa memberi galakan kepada usaha-usaha yang boleh membantu kaum wanita dalam mempertingkatkan status pekerjaan mereka dan juga terus mengekalkan penyertaan mereka dalam pasaran buruh. Dalam hubungan ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat amat bersetuju dengan cadangan-cadangan bahawa lebih banyak lagi kemudahan Taman Asuhan Kanak-kanak perlu diadakan di negara kita supaya ibu-ibu dapat meninggalkan anak-anak mereka pada masa mereka berada di tempat kerja.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun mengadakan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak pada tahun 1984 untuk memastikan bahawa kemudahan ini dapat dikembangkan dengan teratur dan berkesan di negara kita. Akta ini, di antara lain, bertujuan memelihara kepentingan kanak-kanak dan ke arah ini menelapkan beberapa syarat minimum yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang menjalankan kemudahan Taman Asuhan Kanak-kanak. Akta ini telah diadakan oleh kerana Kerajaan sedar bahawa buat masa ini peranan utamanya ialah untuk dari segi pengawalan (regulatory).

Kerajaan tidak mempunyai keupayaan untuk membina kemudahan ini bagi memenuhi keperluan semua pihak yang berkenaan. Kerajaan berpendapat bahawa kemudahan ini hendaklah diusahakan oleh semua pihak majikan demi kepentingan pekerja-pekerja mereka. Pihak swasta juga boleh memainkan peranan yang penting dalam perkara ini. Bagi sektor awam, Kerajaan telah menggalakkan agensi-agensi Kerajaan mengadakan kemudahan tersebut di mana yang boleh. Saya berharap pihak sektor swasta juga akan berbuat demikian. Ke

arah ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mengkaji cara-cara untuk memperluaskan kemudahan ini di sektor swasta, khususnya di kilang-kilang.

Berhubung dengan perkara-perkara berkaitan dengan pendidikan asas di rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, suka saya memaklumkan bahawa Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara sedang menjalankan Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan bagi meningkatkan pengetahuan para remaja yang akan melangsungkan perkahwinan serta mereka yang telah berumahtangga. Kursus-kursus ini dibuat dengan kerjasama lain-lain agensi, seperti Jabatan Agama Islam Negeri dan badan-badan sukarela. Aspek-aspek yang disentuh dalam latihan ini merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan persediaan perkahwinan dan keibubapaan (parenthood).

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin juga ke atas cadangan-cadangan bagi meningkatkan lagi tahap perpaduan di kalangan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada aktiviti-aktiviti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri-negeri lain juga menjalankan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan perpaduan rakyat. Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga, cawangan-cawangan Jiran Muda dan Jiran Wanita juga ditubuhkan di negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun, ulasan Ahli Yang Berhormat mengenai perjalanan aktiviti-aktiviti di peringkat negeri akan diambil perhatian dan dikaji oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ng Thian Hock yang telah mencadangkan

supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan kemudahan yang lebih bagi warga-warga tua. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam memang ada projek-projek untuk meningkatkan kemudahan bagi orang tua, di samping meningkatkan kemudahan di Rumah Orang Tua di Bidong, Taiping, Tanjung Rambutan, Seremban, Cheras dan Pengkalan Chepa, Kementerian ini juga bercadang menyediakan Rumah Orang Tua di Kangar dan Pahang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh yang telah mencadangkan supaya semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dapat merujuk kes-kes keluarga miskin yang memerlukan pertolongan. Saya rasa cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan akan dipertimbangkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Untuk makluman, mengikut amalan pada masa sekarang mana-mana pihak boleh merujuk kes-kes yang memerlukan bantuan kebajikan kepada Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat.

Akhirnya saya -sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri daripada Kementerian Sumber Manusia untuk memberikan jawapan.

3.06ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu

saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul Rancangan Malaysia Keenam dengan memberi pandangan dan teguran-teguran yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Sumber Manusia. Semua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Sumber Manusia.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit penjelasan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rogayah Che Mat dan Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan telah mengesyorkan supaya Kerajaan mewujudkan skim perumahan di ladang-ladang bagi menarik pekerja tempatan bekerja di sektor itu. Beliau berpendapat skim secara sukarela yang digalakkan sekarang adalah tidak berkesan. Sebagai langkah bagi memperbaiki taraf kualiti kehidupan di ladang-ladang, Kementerian Sumber Manusia telah menggubal dan mengadakan akta baru dinamakan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Disember, 1990 bagi menggantikan Akta Minimum Piawaian-Piawaian Perumahan 1966. Akta baru ini mewajibkan majikan-majikan ladang yang menyediakan perumahan bagi pekerja-pekerjanya mengikut piawaian-piawaian yang lebih baik berbanding dengan piawaian-piawaian di bawah Akta lama. Para majikan juga diwajibkan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dari sumber awam, taman asuhan kanak-kanak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dilaksanakan dengan berkesan dan secara berkoordinasi, satu pelan induk untuk membangun dan meningkatkan kualiti kehidupan pekerja estet sedang digubal.

Pelan ini antara lain akan menggariskan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencapai matlamat pembangunan itu di samping menetapkan peranan dan penglibatan agensi-agensi Kerajaan yang turut terlibat. Kementerian sedar bahawa Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 merupakan alat penting untuk mencapai kejayaan dalam peningkatan kualiti hidup pekerja-pekerja estet. Oleh yang demikian, Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil tindakan untuk menambahkan pegawai-pegawai penguatkuasa dan memberi latihan yang secukupnya kepada mereka supaya matlamat yang dihasratkan dapat dicapai.

Selain daripada tindakan Undang-undang ini untuk mempertingkatkan mutu kehidupan dan kemudahan asas di sektor ladang, Kementerian Sumber Manusia juga telah merancang dan mempercepatkan pelaksanaan skim pemilikan rumah pekerja di sektor ladang agar lebih ramai pekerja di sektor ini dapat memiliki rumah sendiri di ladang dengan kemudahan-kemudahan yang sempurna. Satu Jawatankuasa Pembangunan Kebangsaan Skim Pemilikan Rumah Pekerja dan Kemudahan Asas di sektor ladang dan lombong telah ditubuhkan pada tahun ini. Adalah dijangkakan matlamat utama itu akan dapat dicapai dengan cara pendekatan, dengan izin, master planning di peringkat ibu pejabat syarikat-syarikat ladang untuk memperbaharui rumah-rumah serta membaiki pembekalan air bersih dan elektrik dengan menumpukan lebih

perhatian khusus kepada ladang-ladang kecil di mana kemudahan-kemudahan tersebut adalah kurang memuaskan.

Saya ingin menjelaskan juga bahawa usaha-usaha untuk menyediakan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang merupakan tanggungjawab bersama tuan punya ladang dan agensi-agensi Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan. Proses ini mengambil masa yang panjang disamping melibatkan kos yang twiggi bagi kedua-dua pihak, majikan dan Kerajaan, memandangkan banyak daripada ladang-ladang terletak di pedalaman jauh daripada kawasan yang lebih membangun. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan proses pelaksanaan dalam hal ini.

Secara keseluruhannya, seperti dibentangkan terlebih awal di Dewan ini, Kerajaan mempunyai komitmen untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan di sektor perladangan sama taraf dengan di kampung-kampung. Di sektor perladangan, Kerajaan akan melaksanakan strategi-strategi khusus untuk memperbaiki kemudahan perumahan, kesihatan, pendidikan dan sosial untuk mempertingkatkan kualiti hidup penduduk di ladang. Sementara majikan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan sebahagian daripada kemudahan-kemudahan ini, Kerajaan juga akan memberi bantuan yang tertentu.

Bagi kemudahan-kemudahan yang melibatkan perbelanjaan yang besar seperti menyambung paip air dan bekalan elektrik daripada sumber awam serta lain-lain kemudahan asas, Kerajaan akan membantu majikan-majikan ladang untuk membawa kemudahan-kemudahan tersebut ke pinggir ladang bagi membolehkan ladang-ladang berkenaan menggunakannya.

Dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk memperbaiki taraf kehidupan dan perumahan di ladang-ladang dan dengan penyertaan serta penglibatan agensi-agensi Kerajaan di mana Kerajaan akan mengambil langkah-langkah pentadbiran dan lain-lain yang sesuai bagi memudahkan pihak pengurusan ladang mengambil tindakan ke arah melaksanakan lebih banyak skim-skim yang sedemikian, maka yang demikian Kerajaan tidaklah perlu untuk mengadakan satu skim baru khas bagi mewujudkan perumahan di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rogayah binti Che Mat dan Yang Berhormat Senator Tuan Ng Peng Hay berkenaan dengan kekurangan tenaga kerja di sektor pembuatan. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah binti Che Mat supaya gaji pekerja dinaikkan bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja di sektor pembuatan, Kementerian Sumber Manusia ingin menjelaskan bahawa paras gaji yang dinikmati oleh pekerja-pekerja di sektor pembuatan adalah memuaskan. Masalah kekurangan tenaga kerja yang wujud sekarang sebenarnya adalah disebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kekurangan mobiliti pekerja-pekerja dari negeri-negeri sebelah Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga masalah ini sampai ke tahap ini.

Selain dari faktor-faktor yang tersebut, Kementerian Sumber Manusia juga mengambil kira cadangan baik dari Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay bahawa kekurangan tenaga kerja ini adalah akibat kekurangan kesedaran dan minat di kalangan belia dan beliawanis kita. Bagi mengatasi masalah ini, salah satu langkah yang dipertimbangkan oleh Kerajaan ialah

mengkaji dasar pengambilan tenaga kerja dari luar negeri bagi sesuatu tempoh tertentu. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia mengambil berat tentang masalah kekurangan tenaga kerja. Berhubung dengan ini, satu laporan khas akan dibentangkan kepada Kabinet merangkakan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah ini bagi jangka masa pendek dan panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul Rancangan Malaysia Keenam dengan memberi pandangan dan teguran-teguran yang berkailan dengan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia akan mengatnbilkira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pandangan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat serta sebagai panduan ke arah mencapai matlamat Wawasan Tahun 2020 yang menjadi impian kita semua.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.16ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semasa perbahasan ke atas usul Rancangan Malaysia Keenam.

Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong dan Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay telah membangkitkan isu mengenai masalah pencemaran yang berpunca dari ternakan khinzir. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan pihak berkuasa-pihak berkuasa Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program bagi mengatasi masalah pencemaran secara menyeluruh dan melibatkan bukan sahaja hal-hal teknologi, kawaian pencemaran malahan juga penempatan dan insentif-insentif.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama pihak berkuasa-pihak berkuasa Kerajaan Negeri akan mengawal dengan rapi perkembangan industri ini melalui satu sistem permit yang ketat dan garis-panduan khusus sebagai langkah mengawal pencemaran.

Mengenai dengan isu tapak pembuangan dan pelupusan sisa-sisa toksik di kawasan Bukit Nenas, Jimah, Negeri Sembilan, ingin saya menegaskan di sini bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah bertanggungjawab untuk mengawal dan mencegah pencemaran dari berlaku serta memelihara dan melindungi alam sekitar dari segala bentuk pencemaran. Kajian penilaian ke atas kesan-kesan alam sekitar atau EIA, dengan izin, adalah salah satu prosedur yang digunakan oleh Kementerian bagi menilai sama ada sesuatu projek yang dirancang di sesualu kawasan itu boleh dibangunkan ataupun sebaliknya.

Kajian ini di antara lain akan memberi penekanan kepada aspek-aspek keselamatan serta kesihatan orang awam dan alam sekitar. Di samping itu Kementerian juga sentiasa peka kepada aduan-aduan yang dikemukakan oleh semua pihak termasuklah orang ramai mengenai

pencemaran. Satu kajian EIA yang terperinci sedang dijalankan bagi sebuah tapak di Bukit Nenas, Negeri Sembilan yang dicadangkan bagi projek pengolahan dan pelupusan buangan berjadual. Apabila kajian ini selesai, laporannya akan diumumkan untuk ulasan orang ramai dan juga pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini semua pandangan-pandangan dan teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian saya. Dan dengan itu kita harap dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini maka Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan boleh mengendalikan tugas-tugas mereka dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memberikan jawapan.

3.21 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah Kementerian Perdagangan. Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam ucapan mereka di Dewan yang mulia ini semasa perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Keenam. Pandangan dan pemerhatian mereka akan diberi perhatian oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas-lugas yang telah dipercayakan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam bulan Oktober tahun 1990. Penubuhan Kementerian yang baru ini melambangkan dengan jelasnya kesungguhan dan komitmen Kerajaan untuk menjamin wujudnya dalam negara ini suatu sistem perdagangan yang sihat, adil dan bebas. Di samping itu Kerajaan juga ingin menentukan bahawa kepentingan pengguna-pengguna di negara ini sentiasa terpelihara dan terjamin. Kedua-dua langungjawab ini merupakan beban yang berat yang perlu dipikul bersama oleh Kerajaan di satu pihak dan sektor swasta dan orang-ramai di pihak satu lagi. Tanpa kerjasama dan sokongan antara ketiga-tiga pihak ini maka usaha untuk mewujudkan di negara ini satu sistem perdagangan yang sihat, adil dan bebas dalam mana kepentingan pengguna-pengguna turut terpelihara akan merupakan satu usaha yang sukar, walaupun tidak mustahil.

Untuk mencapai kedua-dua matlamat penting yang disebut tadi, Kementerian telah berusaha untuk mengadakan satu struktur yang sesuai yang boleh memikul tanggungjawab ini dengan berkesan. Dengan tertubuhnya struktur yang baru ini maka kakitangan-kakitangan baru perlu dilantik dan diberi latihan. Di samping itu beberapa cawangan baru Kementerian ini akan dibuka di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan yang amat memerlukan perkhidmatan Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Soalan Ahli-ahli Yang Berhormat itu berkisar kepada soal-soal pengagihan atau penambahan kuasa yang patut diberi kepada

Kementerian dan pembukaan pejabat-pejabat cawangan Kementerian di negeri-negeri unruk memberi kemudahan kepada orangramai. Secara khususnya Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin mencadangkan supaya semua kuasa dan fungsi yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri diserahkan kepada Kementerian ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim membangkitkan tentang perlunya dikaji semula pengagihan dan peruntukan kuasa di antara Kementerian termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat Senator Isli bin Haji Siput dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah juga mencadangkan Kementerian ini harus diberi bidang kuasa yang lebih luas, khususnya dalam bidang import dan pada masa ini terletak di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan ini. Seperti yang telah dimaklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah sebuah Kementerian baru. Dengan kedudukan itu tentulah terdapat beberapa kekurangan lagi yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa untuk membolehkan ianya bertindak mencapai matlamat yang ditetapkan. Sehubungan dengan ini saya sangat menghargai pandangan dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membaiki preslasi dan meningkatkan keberkesanan Kementerian ini. Semua cadangan-cadangan itu akan dibawa kepada pertimbangan Kerajaan dan saya

percaya cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh mencadangkan supaya beberapa cawangan Pejabat Pendaftaran Syarikat dibuka di setiap negeri termasuk negeri Perlis bagi memberi kemudahan kepada orangramai untuk berurusan. Mengenai penubuhan cawangan Pejabat Pendaftaran Syarikat, sukacita saya maklumkan bahawa agensi pusat telahpun bersetuju secara prinsipnya atas permohonan Kementerian ini mewujudkan empat lagi cawangan Pejabat Pendaftaran Syarikat iaitu di Kuala Terengganu, Kuantan, Ipoh dan Alor Setar. Pejabat-pejabat yang sedia ada adalah di Kota Kinabalu, Labuan, Kuching, Kota Bharu, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah telah membangkitkan perkara berkaitan dengan barang-barang yang perlu diletak tanda harga termasuk juga barangan solek atau kosmetik. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, sukacita saya menjelaskan bahawa Kementerian telahpun menetapkan sebanyak 111 barang-barang yang wajib diletak tanda harga mengikut Akta Kawalan Harga 1946. 111 barang-barang ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu barang-barang makanan, barang-barang bukan makanan dan barang-barang ganti kereta-motor. Kesemua barang-barang yang disenaraikan itu wajib diletak tanda harga. Boleh dikatakan meliputi kebanyakan barang-barang yang kita gunakan dalam kehidupan seharian. Tujuan utama tanda-tanda harga ini diwajibkan ialah untuk memberi peluang kepada pengguna membuat perbandingan harga dan seterusnya membeli di kedai yang difikirkan menawarkan harga yang berpatutan. Kementerian berpendapat bahawa

jumlah 111 barangan yang diwajibkan diletak tanda harga adalah memadai pada ketika ini.

Berhubung dengan kedudukan harga barangan yang berbeza-beza, ianya ditentukan oleh faktor-faktor pasaran seperti penawaran dan permintaan.

Pada masa ini barangan yang harganya dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanyalah terhad kepada beberapa barangan perlu dan barangan tertentu lain yang diberi perlindungan tariff atau non-tariff. Kosmetik bukanlah antara barangan yang dikawal atau diawasi harga oleh Kementerian ini. Mengawal harganya agak sukar kerana ia terdiri dari berbagai-bagai jenis dan campuran, dengan izin, tidak homogeneous dan kebanyakannya diimport siap. Walau bagaimanapun, Kementerian akan menimbang sama ada barangan ini boleh diawasi harga iaitu dengan meminta syarikat-syarikat pengeluar mengemukakan justifikasi kenaikan harga setiap kali sebelum harga dinaikkan untuk Kementerian mengkaji sama ada kenaikan harganya adalah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan. Setiap teguran, pandangan dan cadangan yang diutarakan itu akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kememerialan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri daripada Kememerialan Belia dan Sukan untuk memberikan jawapan.

3.31ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang bernas serta membina terhadap Kementerian Belia dan Sukan semasa membahas usul Rancangan Malaysia Keenam.

Terdapat empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara khusus mengenai Kementerian Belia dan Sukan iaitu Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon, Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut, Yang Berhormat Senator Saidin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon telah menyentuh mengenai projek-projek latihan belia di bawah Program Malaysia Mahir. Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, sukacita dijelaskan bahawa program latihan belia ini melibatkan dua aspek utama. Pertama, ialah latihan pembangunan kemandirian, yang mengutamakan pembinaan mental, disiplin diri, ketatanegaraan, semangat patriotisma dan nasionalisma serta bina sikap. Latihan ini dijalankan dalam bentuk khemah kerja, kursus, ceramah, seminar dan bengkel yang tidak memerlukan institusi-institusi yang khusus.

Program latihan ini boleh dijalankan dengan menggunakan kemudahan yang sedia ada sama ada di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah mengikut kategori peserta-pesertanya. Selain daripada Kementerian Belia dan Sukan, program latihan juga dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain. Kementerian Belia dan Sukan memberi tumpuan yang lebih kepada belia yang menganggotai

pertubuhan-periubuhan belia. Namun begitu Kementerian Belia dan Sukan juga memberi peluang dan perhatian kepada belia-belia yang tidak menganggotai mana-mana persatuan atau pertubuhan untuk menyertai program-program latihan yang dianjurkan oleh Kementerian ini.

Kedua adalah Latihan Kemahiran dalam pelbagai trade yang sesuai mengikut keperluan guna tenaga. Latihan ini dijalankan secara ber-institusi di Institut-institut Kemahiran Belia Negara dan juga secara Latihan Sambil Berkerja. Pada masa ini, terdapat 7 Institut Kemahiran di bawah Kementerian ini yang boleh menerima 3,377 pelatih setiap pengambilan dan 1,000 pelatih lagi di bawah skim Latihan Sambil Bekerja. Saya sedar kemudahan yang sedia ada ini adalah jauh daripada mencukupi bagi memenuhi permintaan belia kita yang begitu ramai. Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif ke arah meningkatkan lagi kemampuan dari segi jumlah pengambilan dan mutu latihan di Institut-institusi Kemahiran Belia Negara.

Menyentuh tentang penyiaran maklumat mengenai peluang untuk belia-belia menyertai latihan dan lain-lain kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan, sukacita saya menjelaskan bahawa langkah ini sentiasa dibuat sepanjang masa bagi membolehkan semua golongan belia, tanpa mengira kaum, untuk mendapat peluang latihan yang dikelolakan oleh Kementerian ini. Pengumuman-pengumuman sentiasa dibuat sama ada melalui media massa dan melalui pertubuhan-pertubuhan belia serta Jabatan Belia dan Sukan di semua peringkat. Kekurangan penyertaan belia bukan bumiputera mengikuti program latihan ini adalah disebabkan mereka lebih berminat untuk mengikuti

latihan dengan pihak swasta dan kursus-kursus yang lebih profesional.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon, peranan untuk membangunkan kemudahan sukan bukanlah semata-mata menjadi tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Dasar Sukan Negara menekankan bahawa usaha-usaha menyediakan kemudahan sukan adalah langgungjawab bersama, di mana Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak swasta seperti pemaju-pemaju perumahan, kelab-kelab sukan dan lain-lain pertubuhan digalakkan untuk turut serta memajukan bidang sukan. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian ini telah membina kemudahan-kemudahan sukan bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dan bandar-bandar kecil di seluruh tanahair termasuk pembinaan dewan-dewan serbaguna, gelanggang-gelanggang badminton, bola keranjang, sepak takraw, bola jaring, tenis, padang-padang permainan dan gimnasium-gimnasium rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Shuib Endut pula telah menyentuh soal-soal yang berhubungan dengan program pembangunan mental dan pemupukan semangat patriotisma di kalangan belia. Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, serta Dewan yang mulia ini, perkara tersebut telahpun saya jelas tadi dan sebagai maklumat tambahan, program pembangunan mental dan pemupukan semangat patriotisma telah diterapkan ke dalam setnua aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan sama ada dalam kursus-kursus kepimpinan, khemah kerja, seminar, bengkel dan sebagainya. Di Institut-institut Kemahiran Belia Negara pula aspek ini dimasukkan sebagai Kurikulum Latihan Bersepadu. Mengenai pelaksanaan Program Induk Belia Negara

(PIBN) sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut dan Yang Berhormat Senator Saidin Mohamad, suka saya maklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan memang memberi perhatian berat kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Aspek-aspek publisiti, promosi dan penerangan telah diberi penekanan sejak PIBM dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31hb Mei, 1991.

Memandangkan bahawa PIBN baru sahaja dilancarkan, dan ianya ada hubungkait dengan perubahan sikap dan nilai, tentulah impak dan keberkesannya belum dapat diukur dalam masa yang singkat ini. Walau bagaimanapun, mengikut maklumbalas yang diterima oleh Kementerian ini, PIBN telah mendapat sambutan dan reaksi yang positif dari semua pihak. Setakai ini Kementerian Belia dan Sukan telah selesai memberikan penerangan mengenai hal ini kepada semua Exco-Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada program Belia dan Sukan, ahli-ahli Majlis Perundingan Belia Negara, Pertubuhan Belia dan Sukan di semua peringkat dan seluruh Pegawai Belia dan Sukan. Penyiaran maklumat PIBN ini dijalankan melalui pelbagai bentuk media iaitu media cetak, media elektronik dan siri penerangan yang diadakan dari semasa ke semasa.

Pihak Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) juga telah menayangkan "video clip" melalui televisyen dan menyiarkan lagu Belia Negara menerusi Radio sejak PIBN dilancarkan. Senikata lagu Belia Negara adalah meliputi intipati 10 program di bawah PIBN. Selain daripada itu, dua buah akhbar tempatan, iaitu *The New Straits Times* dan *Utusan Mataysia* telah menyiarkan promosi PIBN yang memberi maklumat dan penerangan mengenai logo, moto dan falsafah PIBN.

Mengenai masalah kekurangan pegawai dan kakitangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Saidin bin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah, memang perkara ini disedari oleh Kementerian. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Belia dan Sukan telahpun siap menyediakan kertas cadangan penyusunan semula organisasi Kementerian ini, dan perkara tersebut akan dipanjangkan kepada agensi-agensi Pusat untuk mendapat pertimbangan.

Bagi lujuan penglibatan masyarakat dalam pelaksanaan program-program anjuran Kementerian ini, usaha-usaha juga telah diambil untuk mewujudkan pasukan Pelopor dan Pelapis yang terdiri dari pemimpin-pemimpin belia di peringkat daerah. Mereka ini akan diberikan latihan khusus secara berperingkat-peringkat mengenai aspek-aspek kefahaman, kecekapan dan kemampuan untuk membantu pelaksanaan program-program bagi faedah para belia di negara ini yang mencakupi matlamat PIBN ke arah membina generasi belia bagi mengisi wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan mengemukakan syor-syor yang bernas atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan semasa membahas usul Rancangan Malaysia Keenam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah Kementerian-kementerian yang lain yang hendak memberikan jawapan tetapi belum dipanggil? Kalau tidak ada, sekarang saya menjemput Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan jawapan.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman); Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih di atas perhatian dan sokongan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan di Dewan ini pada 1hb Ogos yang lalu. Dari perbincangan yang dikemukakan, nampaknya usul ini telah mendapat sambutan yang baik dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita juga telah mendengar pandangan-pandangan sama ada dari dalam atau dari luar negara, dan kebanyakannya menyatakan Rancangan Malaysia Keenam merupakan rancangan pembangunan yang lebih baik dan memandang jauh ke hadapan. Sebenarnya, Rancangan Malaysia Keenam memang digubal dengan teliti untuk menjadi asas pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Oleh kerana isu-isu yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian-kementerian telahpun dijawab oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, dalam ucapan menggulung ini saya akan lebih memberi perhatian kepada isu-isu yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kaitan dengan Jabatan Perdana Menteri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula masyarakat. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai penguasaan ekuiti oleh bumiputera. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemilikan ekuiti oleh bumiputera telah meningkat dari 2.4% pada tahun 1970 kepada kira-kira 20% pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, tahap pemilikan

sebenar oleh bumiputera sebagai pelabur individu secara langsung hanyalah kira-kira 8.2% menjelang tahun 1990. Tahap pemilikan yang rendah ini antaranya disebabkan oleh sumber mereka yang terhad dan juga batasan-batasan yang dihadapi oleh mereka dari segi kepakaran, pengurusan dan kemahiran. Usaha-usaha akan diteruskan di bawah Dasar Pembangunan Nasional untuk menentukan bahawa pemilikan ini bukan sahaja dapat dikekalkan tetapi juga diperkembangkan.

Peranan PNB dalam pengurusan Skim Amanah Saham Nasional dan juga Skim Amanah Saham Bumiputera dijangka akan mempertingkatkan lagi keupayaan bumiputera dalam sektor korporat. Namun demikian, aspek yang lebih penting diberi penekanan di bawah DPN ialah kualiti dan keupayaan bumiputera untuk menguruskan harta korporat mereka. Dalam usaha-usaha untuk memaju dan mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi kaum bumiputera, peluang-peluang sebenarnya telah diberikan kepada Orang Asli untuk menyertai Skim ASN dan ASB'. Usaha ini akan dipergiatkan lagi dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan penyertaan kaum India dalam bidang-bidang pekerjaan tinggi, pihak Kerajaan memang sedar bahawa sebahagian mereka dalam selang-setengah bidang profesional masih lagi rendah berbanding dengan nisbah penduduk mereka. Oleh yang demikian, perhaluan yang sewajarnya akan diberi terhadap masalah ini demi membolehkan kaum-kaum India boleh juga menyertai dalam bidang-bidang pekerjaan peringkat tinggi sama ada di sektor awam atau swasta dengan lebih saksama.

Berhubung dengan program latihan bagi membangunkan usahawan bumiputera, pihak Kerajaan sebenarnya

sentiasa mengkaji keberkesanan program yang terlibat termasuk penghantaran usahawan ke luar negeri Kerajaan memang berhasrat melaksanakan program-program tersebut jika didapati sesuai dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan. Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai soal pembasmian kemiskinan dan seterusnya telah meminta Kerajaan supaya mempertingkatkan lagi keberkesanan strategi dan program-program yang telah dirancang. Berkaitan dengan soal kemiskinan ini, sukalah saya tegaskan lagi pendirian Kerajaan bahawa ianya tetap menjadi satu agenda yang penting dalam tempoh 10 tahun akan datang ini. Oleh kerana inilah, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah \$600 juta telah diperuntukkan di bawah pelbagai agensi, khasnya untuk tujuan menghapuskan golongan termiskin, dengan izln, hard-core poverty. Jumlah ini adalah jauh lebih besar dari jumlah yang diperuntukkan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$390 juta.

Kerajaan sememangnya sedar bahawa keberkesanan dalam usaha membasmi kemiskinan bukan sahaja terletak kepada jumlah wang yang disediakan, tetapi juga kepada cara-cara merancang program-program yang terlibat serta sistem penyampaian kepada kedudukan kumpulan-kumpulan sasaran. Oleh itu di bawah Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan akan memperkemas lagi perancangan program-program pembasmian kemiskinan bukan sahaja di kalangan agensi-agensi peringkat Persekutuan, tetapi juga di antara agensi-agensi Persekutuan dengan Negeri dan di peringkat daerah.

Di dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup golongan miskin adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan ianya memberi manfaat

kepada semua kawasan dan kumpulan sasaran yang terlibat, sama ada di Sabah dan Sarawak atau di luar bandar dan ladang-ladang ataupun di kawasan bandar. Apa yang perlu ialah pendekatan dan cara bagi mengatasi masalah kemiskinan khasnya di kalangan golongan termiskin hendaklah dirancang dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kebocoran yang mungkin berlaku dalam pelaksanaan program-program yang telah dikenalpasti.

Berkenaan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Iiam Wali bin Nawan mengenai konsesi dan permit memajukan hasil hutan kepada Orang Asli dan sebahagian keuntungan pembalakan dilabur semula di kawasan Orang Asli.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah bidanguasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga mengambil perhatian berat ke atas pembangunan sosio-ekonomi Orang-orang Asli melalui program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah diperuntukkan sebanyak \$110 juta untuk melaksanakan projek pembangunan yang akan memberi faedah kepada keseluruhan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, masalah setinggalan. Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang pula membangkiikan soal setinggalan di Kampung Kerinchi yang terlibat dengan pembangunan akan dihalau keluar tanpa pampasan adalah tidak benar. Ini adalah kerana di bawah amalan semasa di Wilayah Persekutuan, setinggalan yang terlibat dengan projek pembangunan akan dipindahkan ke rumah panjang sebagai penempatan sementara, manakala menunggu untuk

ditempatkan di kediaman kekal seperti rumah pangsa. Dalam hubungan ini keluarga setinggan Kampung Kerinchi yang terlibat dengan pembangunan telah dipindahkan ke rumah pangsa di Bukit Kerinchi yang disediakan oleh usahasama PKNS dan Nakon.

Merujuk kepada cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai penyediaan bantuan untuk setinggan-setinggan kawasan pinggir bandar, Kerajaan memang menyediakan bantuan kepada setinggan-setinggan miskin di kawasan pinggir bandar melalui pelaksanaan rancangan-rancangan penempatan semula yang dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan asas seperti bekalan air, api, jalan perparitan serta lain-lain kemudahan kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Puan Ainon binti Ariffin mencadangkan supaya Kerajaan menimbang unuk mengambil kakitangan secara kontrak supaya Kerajaan tidak menghadapi masalah kekurangan kakitangan dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya, di samping mengurangkan masalah pengangguran.

Sebenarnya agensi-agensi Kerajaan memang dibenarkan mengambil kakitangan secara kontrak di bawah peruntukan Belanja Mengurus Kepala Bekalan 2900.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pengangguran bukanlah lagi menjadi satu masalah besar negara seperti di masa yang lalu.

Pada masa ini kita sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh di beberapa sektor dalam ekonomi dan di beberapa kawasan di dalam negara. Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat seperti yang dijangkakan dalam Rancangan Malaysia Keenam lebih

banyak gunatenaga akan dapat diwujudkan, dan dengan itu masalah pengangguran akan dapat dikurangkan. Seperti yang dtanjurkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, kedudukan kadar pengangguran pada penghujung tempoh rancangan ini adalah diparas 4.5% iaitu hampir kepada paras gunatenaga penuh atau, dengan izin, full employment.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Persekutuan bagi Negeri-negeri. Yang Berhormat Tuan Prankie Chong Yu Chee membangkitkan soal peruntukan bagi negeri Sabah di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Peruntukan yang diberi kepada Negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan adalah bergantung kepada kesediaan pelaksanaan projek-projek pembangunan, selaras dengan kemampuan yang terdapat di sesebuah negeri itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Rancangan Malaysia Keenam peruntukan bagi semua negeri telah bertambah. Peruntukan pembangunan bagi Negeri Sabah adalah lebih tinggi daripada peruntukan yang diberi kepada beberapa negeri di Semenanjung. Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan per kapita negeri Sabah adalah yang terendah iaitu \$1,683 adalah tidak benar memandangkan ada negeri-negeri lain yang mendapat peruntukan per kapita yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perindustrian. Berkaitan dengan isu pembangunan perindustrian, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha-usaha akan diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan industri di negeri-negeri kurang maju. Penyebaran industri secara terpilih digalakkan dengan mendorong sektor swasta, mendapat semula kilang-kilang tambahan di negeri-negeri berkenaan. Selaras dengan usaha tersebut Kerajaan akan melaksanakan konsep peng-

khusus industri mengikut kawasan berdasarkan sumber-sumber sedia ada sertakesuaiannya. Kawasan-kawasan perindustrian akan dilengkapi dengan kemudahan fizikal dan kemudahan lain yang sesuai dan mencukupi. Di bawah konsep ini pembangunan industri yang berasaskan sumber yang boleh menghasilkan nilai ditambah, yang tinggi untuk ditempatkan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan industri luar bandar bagi meningkatkan lagi penglibatan dan tahap usahawan bumiputera. Walau bagaimanapun sokongan yang akan diberi hanyalah bagi infrastruktur asas dan kemudahan pinjaman.

Matlamat utama pembangunan perindustrian dalam industri luar bandar ialah untuk mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya maju dan dapat bersaing. Dengan demikian pemberian galakan dan perlindungan yang tidak membawa ke arah ini akan tidak diberi keutamaan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, soal penswastaan. Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Asmah binti Haji Ismah supaya Kerajaan mengawasi program penswastaan supaya ia tidak akan dibolot oleh individu tertentu. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya faedah daripada pelaksanaan Dasar Penswastaan dinikmati oleh semua golongan. Ini dapat dilihat dari langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan penswastaan buat masa kini iaitu:

- (i) bagi projek-projek penswastaan yang dikenalpasti oleh Kerajaan, penswastaan akan dibuat melalui tawaran bersaing dengan lujuan untuk memberi

peluang kepada semua pihak yang berminat menjayakan dasar tersebut;

- (ii) menyenaraikan saham agensi besar yang diswastakan di Bursa Saham Kuala Lumpur bagi memberi peluang kepada semua rakyat memiliki saham syarikat berkenaan;
- (iii) memperkenalkan skim pemilikan saham oleh kakitangan syarikat dan juga skim pembelian syarikat oleh pihak pengurusan. Skim-skim ini adalah bertujuan untuk membolehkan kakitangan dan pihak pengurusan syarikat-syarikat memiliki saham syarikat berkenaan.

Langkah-langkah yang tersebut di atas adalah jelas menunjukkan Kerajaan telah berusaha sedaya-upaya untuk memastikan faedah penswastaan dinikmati oleh semua golongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang, telah membahas Usul Rancangan Malaysia Keenam. Segala cadangan yang membina akan diambil kira dalam pelaksanaan strategi dan program seperti yang disyorkan di dalam rancangan tersebut, sama-samalah kita berusaha menjayakan rancangan ini kerana kekesanan dan manfaat dari satu-satu rancangan ini adalah terletak kepada keupayaan menjadikan matlamat yang diharapkan sebagai kenyataan. Semoga dengan izin Allah, kita akan dapat menjadikan Malaysia sebagai negara yang akan menjadi kebanggaan bagi jenerasi yang akan datang untuk warisan kita.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan hasrat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN KANAK- KANAK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (31hb Julai, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim menyambung ucapan beliau. Silakan.

4.02ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa kita membentangkan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak ini, masih ada lagi dan masih banyak lagi perkara-perkara yang berlaku, umpamanya, dalam akhbar hari ini di mana ibu angkat panggang anak. Sampai begitu punya kejam.

Tuan Yang di-Perlua, dengan adanya Rang Undang-undang ini yang akan kita luluskan nanti, semoga dapat dilaksanakan dengan sempurna supaya perkara-perkara yang sedemikian rupa akan berkurangan berlaku terhadap kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan saya pada hari Rabu, 31hb Julai, 1991 dan menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Bahagian VI, Fasa 26, 27 dan 28 yang berkaitan dengan penganiayaan, mengabaikan, meninggalkan dan mendedahkan kanak-kanak itu. Dengan cara ini

mungkin menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi, menjadikan kanak-kanak itu pengemis dan meninggalkannya tanpa menyediakan pengawasan dan pemeliharaan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan dalam perkara yang bersabit dengan undang-undang ini, hukuman hendaklah dikenakan kepada dua belah pihak, bukan sahaja kepada sipenjaga yang mendera kanak-kanak, tetapi juga kepada ibu bapa kanak-kanak itu—hendaklah disiasat apa sebab dia berikan anak itu kepada sipenjaga. Jika kerana pergi kerja, dan dia meninggalkan kanak-kanak itu kepada penjaganya dengan lidak memberi saraan yang cukup untuk keperluan harian seperti makanan, minuman, pakaian, perubatan, maka bila terjadi penderaan kanak-kanak itu hendaklah dihukum ibu bapa kanak-kanak itu sama, bukan sahaja kepada sipenjaga tetapi disiasat ibu bapa itu dan mereka juga patut dihukum kerana kalau dia tinggalkan anaknya sewaktu dia pergi kerja, takkanlah tidak balik kerja dan takkanlah tidak dapat melihat anak itu sehingga begitu teruk anak-anak itu baru ibu bapa sedar.

Maka dalam perkara ini, ibu bapa juga terlibat kerana mengabaikan anak-anak. Begitu juga kepada ibu bapa yang meninggalkan anak, macam perkara yang baharu berlaku, di mana dia telah pergi ke luar negeri meninggalkan anak. Mungkin anak-anak yang ditinggalkan itu tidak cukup saraan dan anak yang ditinggalkan itu menambahkan beban kepada ibu bapa yang menjaganya. Tidak banyak orang yang begitu bersimpati, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi bila dia terlampau susah menjaga anak-anak ini, membelanjakan wangnya untuk anak-anak ini, pada hal ibu bapanya keluar negeri dan ditinggalkan dengan sedemikian rupa, jadi, kalau tidak ada kesabaran, tidak ada keimanan, maka senang sahaja

perkara-perkara ini akan berlaku, kerana sipenjaga itu juga ada anak. Jadi, itulah sebabnya. Kita hukum kedua-dua pihak, yang mendera dan yang meninggalkan—ia juga patut disiasat sebab-sebab kenapa. Kalau didapati perkara itu bersalah, ibu bapa yang meninggalkan anak-anak itu juga patut dihukum, kerana di dalam Rang Undang-undang yang kita bantangkan ini tidak ada berkaitan dengan perkara itu. Jadi, macam berat sebelah. Ini tidak sepatutnya berlaku.

Saya menyenoih lagi beberapa perkara dalam Bahagian VIII, Fasal 33 dan 34—Denda tidak lebih daripada \$10,000 dan penjara 5 tahun. Saya mencadangkan supaya ditambah dengan rotan. Sebab, di dalam Rang Undang-undang yang kita bantangkan ini tidak disebut pun fasal rotan. Yang baharu kena hukum itu adalah hukuman Mahkamah. Jadi, kita hendak buat undang-undang ini biarlah kita lengkapkan siap-siap supaya tidak ada orang yang akan mengungkit pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, \$10,000 itu kecil, kerana bukan sahaja penderaan, tetapi berbagai-bagai perkara lagi yang berlaku seperti ada yang menjual anak, ada yang menjual gadis dan berbagai-bagai cara dilakukan terhadap kanak-kanak ini. Jika sekiranya dia terlepas, umpamanya, dia membawa kanak-kanak ini masuk ke dalam negara ini dan dijualnya. Kalau terlepas daripada tangkapan, mungkin lebih daripada \$10,000 dia mendapat keuntungan. Kalau dapat ditangkap baru kita denda \$10,000, tetapi kalau terlepas, maka akan berleluasa lagi perkara ini. Kalau dengan tambahan-tambahan hukuman yang berat, mungkin akan berkurangan perkara ini kerana \$10,000 itu kecil, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang hendak menjadi ahli kelab pun sampai berpuluh-puluh ribu pun orang sanggup.

Jadi, hukuman kepada orang yang membuat salah tidak patut semudah itu dan kita mesti beratkan hukuman agar berkurangan kesalahan-kesalahan pada masa yang akan datang. Ada juga ibu bapa yang meninggalkan anak-anak di merata-rata tepi jalan. Ini mungkin kita susah hendak cari alamat ibu bapa itu, tetapi kalau yang ditinggalkan di hospital, sewaktu dia hendak bersalin tentu ada mengambil alamat, selepas itu dia tinggalkan anaknya macam itu sahaja—mungkin kerana malu ataupun kerana apa-apa, jadi ibu bapa yang sedemikian rupa mesti disiasat dan kita mesti hukum orang-orang yang semacam ini. Kalau perkara-perkara yang sedemikian rupa dapat kita bendung, dengan adanya undang-undang yang setimpal. saya rasa mungkin perkara itu berkurangan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap banyak, kerana macam saya kata tadi, ibu bapa juga bersalah, bukan sahaja penjaga yang menjaga kanak-kanak itu. Bukan salah kanak-kanak. Kanak-kanak itu tidak timbul sendiri kalau tidak adanya ibu bapa. Jadi, patut kita ambil kedua-dua pihak.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, denda yang berkaitan dengan penjualan kanak-kanak atau menjual gadis hendaklah didenda dengan berat dan juga setimpal dengan kesalahan itu kerana kalau kita tidak buat sedemikian rupa, maka tidak terlaksana apa yang diidamkan ataupun idaman Perdana Menteri kita yang hendakkan supaya diperlindungi kanak-kanak.

Sebagaimana kata Perdana Menteri kita yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, beliau mahu sebuah negara maju, yang beliau idamkan, bukan Yang Amat Berhormat sahaja, kita pun mahu yang sedemikian rupa ialah di mana penduduknya hidup bahagia,

terpelajar dan dengan pendapatan yang mencukupi dan mengamalkan nilai-nilai hidup yang mulia dan beragama maka apabila tercapai ini semua daripada tingkat yang pertama ini dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam ini dengan adanya undang-undang yang baru ini, maka idaman dan matlamat kita pada tahun 2020 itu akan tercapai dan terlaksana dengan baik.

Dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-Kanak ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Aion binti Ariffin.

4.21 ptg

Puan Aion binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kawan-kawan saya. Jangan susah hati, insya Allah, saya mengambil masa yang sedikit untuk membolehkan sahabat-sahabat saya, Senator-senator lain memberikan pandangan-pandangan dan hujah-hujahnya di atas Akta yang memang menarik minat dan yang sangat penting untuk semua generasi dan rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama bagi menyokong Rang Undang-Undang Perlindungan Kanak-Kanak 1991 yang mengandungi berbagai-bagai bab dan juga pecahan-pecahannya.

Tuan Yang di-Pertua, telahpun dibentangkan di Dewan ini dengan panjang lebarnya mengenai kesemua isi kandungan Akta atau Rang Undang-undang yang hendak diperbahaskan dan diluluskan ini. Saya tidak bercadang untuk menyentuh satu persatu kerana kita telah mendengarnya dengan jelas dan telah memahaminya satu persatu.

Saya hanya ingin mengucapkan selinggi-tinggi tahniah kepada

Kerajaan kita melalui Kementerian Kehakiman kerana telah mengambil tindakan yang begitu wajar dan tindakan yang mungkin dikatakan belum terlambat di atas perkembangan yang berlaku di negara kita ini mengenai penderaan, penyeksaan, kekejaman terhadap kanak-kanak.

Kita memang tahu berbagai-bagai cerita telah timbul dan sebenarnya perkara ini bukanlah baru berlaku. Sejak daripada tahun 60an lagi telah berlaku cuma kita tidak dapat mengengenghkannya dan kita tidak dapat memberikan perhatian yang serius, mungkin kerana kesibukan kita untuk membina negara dalam kepesatan pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara yang saya sangat tertarik hati dengan. Akta yang berkenaan. Yang pertama ialah mengenai Fasal 4 iaitu yang memberikan Menteri kuasa untuk melantik Pendaftar Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Sesungguhnya di dalam Akta ini meliputi segala-galanya bahawa sesiapa sahaja yang ketika ini sama ada ibu bapa, keluarga, penjaga, emak angkat, bapa angkat dan sesiapa sahaja yang punya kanak-kanak, kalau mereka cuba menyalahgunakan kuasa mereka oleh kerana tidak ada rasa timbang rasa atau kerana sakit jiwa atau kerana tekanan keadaan sekitaran, atau memang mereka daripada manusia-manusia yang jenis suka menyeksa, mereka tidak akan terlepas kerana segala-galanya telah dimaktubkan di dalam Akta yang berkenaan. Saya rasa segala hukuman-hukuman yang ditentukan di sini sebagai satu hukuman-hukuman tertentu telah ada dan kemudian terpulang kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman-hukuman yang lebih berat kalau kes-kes ini lebih berat dan serius.

Saya ingin menyentuh mengenai kuasa untuk melantik Pendaftar Kanak-kanak ini ialah supaya pelaksanaannya

perkara ini berjalan baik kerana dari segi Pendaftar Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan ini adalah satu kerja yang agak rumit dan memerlukan kesabaran serta penelitian kerana belum lagi begitu terbuka rakyat negara kita ini mahu memberitahu atau memberikan maklumat mengenai kes-kes atau kejadian-kejadian yang berlaku di tempat mereka atau di sekeliling kawasan mereka. Kita tidak faham bagaimana ada lagi rasa curiga, rasa takut, rasa tidak kisah di antara orang-orang ramai atau masyarakat kita mengenai perkara-perkara yang berkaitan, umpamanya macam TELEDERA yang telah dilubuhkan. Pada mula-mulanya laku macam goreng pisang tetapi selepas daripada itu, ia mula layu dan kemudian akhirnya sudah tidak lagi begitu rancak penerimaannya sedangkan kes bukan kurang tetapi bertambah.

Jadi, saya harap Pendaftar-pendaftar ini rajin, bukan sahaja menunggu orang datang report tetapi kena rajin juga membuat kajian, penyiasatan dan kena ada ramai informers, dengan izin, mata-telinga dalam masyarakat.

Yang kedua, saya tertarik hati mengenai Fasal 12 iaitu menubuhkan Majlis yang dinamakan Pasukan-pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara. Majlis ini menubuhkan Pasukan-pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak adalah atau disyaki memerlukan perlindungan. Syabas dan tahniah. Ini juga saya minta supaya ianya dapat ditubuhkan bukan sahaja dalam masyarakat bandar. Di sini sudah disebut di seluruh negara tetapi bukan sahaja dipilih-pilih di tempat yang berisiko tinggi kerana dalam masalah penderaan, penyeksaan, kekejaman kepada kanak-kanak, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tempat yang berisiko tinggi, malahan ianya berlaku

di mana-mana; pendalaman, di pergunungan, di estet, di hulu, di bandar. Makin membangun, makin banyak kes-kes ini berlaku. Makin banyak problem-problem hidup, makin banyak perkara ini akan berlaku dan terjadi. Oleh kerana entah mengapa, ibu bapa atau penjaga atau sesiapa sahaja yang punya kanak-kanak yang kurang daya tahan, daya iman, yang kurang rasa kasih sayang, kekitaan dan lain-lain, sedia sahaja melepaskan geram atau membuat sesuatu sebagai satu curahan perasaan kepada kanak-kanak.

Sangatlah malangnya. Marah suami pun anak dipukul, marah sahabat di keliling pun, anak juga dipukul, kalau anak, apatah lagi kalau anak angkat dan banyakkah lagi berlaku ibu-ibu yang kecewa di atas perbuatan suami menyeksa anaknya, umpamanya menyimbah kuah yang panas, menyimbah air panas atau memukul dengan kayu atau dengan gayung, dengan sudip yang panas. Setengahnya itu pula sampai hati, sampai rasa menyimbahkan minyak yang panas kepada anaknya kerana panas hati suami tidak balik dua hari kerana hendak supaya suami beri perhatian, "rasakan engkau, anak engkau aku sudah siksakan". Tanpa ada rasa belas kasihan dan kasih sayang.

Sesungguhnya kejadian yang dilaporkan di dalam suratkhobar, ada pula suami isteri yang marahkan kepada ibu bapa anak yang berkenaan lalu menyiksa anak itu, selar dengan air panas, selar dengan lain-lain. Memanglah kalau tanya saya, Tuan Yang di-Pertua, sebaiknya kalau dia menyelar, hukumannya juga dia patut diselar supaya dia rasa tetapi saya puashati hukumannya 7 tahun, 12 tahun kejadian di Terengganu-sangat baik hukuman itu supaya mereka dapat membetulkan psikologinya yang telah rosak ataupun fikirannya yang telah rosak.

Selain daripada undang-undang ini yang sudah ketat, sudah menyeluruh dan akan dijalankan, insya Allah, mudah-mudahan ia berjalan begitu baik dan saya percaya ini memerlukan pertambahan kakitangan, memerlukan petugas-petugas baru dan mestilah petugas-petugas ini dari kalangan orang-orang yang stabil fikiran dan perasaannya kerana kerja ini bukan kerja mudah. Kalau kerja cincai-cincai sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan dapat kita mengatasi atau meredakan kes-kes ini. Kalau hanya buka satu office, satu tempat di satu kawasan-kawasan kemudian tunggu laporan datang, buka pukul 9.00, tutup pukul 4.00, insya Allah, kes tidak akan ada tetapi kejadian berlaku juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu perlulah diberi perhatian yang sungguh-sungguh. Selain daripada itu, saya rasa pihak Kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat telahpun merancang ataupun membuat beberapa rancangan-rancangan, kegiatan-kegiatan yang bersabit dengan pendidikan, pendekatan psikologi kerana kita tahu dengan undang-undang sahaja perkara ini tidak akan terhapus, tidak akan dapat diredakan melainkan pendidikan kepada kejiwaan, pendidikan kepada kerohanian, pendidikan mengarah kepada kesedaran perlu dipergiatkan.

Bagi mereka yang sudah kotai-kotai atau yang sudah tua-tua melakukan juga perkara ini, mereka memerlukan satu revolusi mental, pendekatan psikologi, masuk kursus, sebab bukan sahaja orang muda yang menyeksa, 'kakek-kakek' kata orang daripada Indonesia, datuk-datuk, nenek-nenek pun ada menyeksa cucu-cucunya atau cicit-cicitnya, ada kejadian, Jadi kepada orang tua-tua ini juga bila dapat sahaja berita itu, selain daripada yang dihukum, yang lain-lain juga diberikan satu pendekatan psikologi, kefahaman,

kesedaran sama ada daripada ilmu kaunselingnya atau ilmu tasawufnya dalam agama Islam. Mereka ini mesti disedarkan atas perbuatannya. Kalau hukutn sahaja, memang tidak akan reda saya percaya, kerana kita tengok sendiri umpamanya masalah dadah, begitu ketat hukumannya tetapi berlaku banyak, sedikit sahaja kurangnya.

Selain daripada itu, kita juga perlu menjadikan ianya sebagai satu ko-kurikulum. Saya ingat kalau banyak sangat ko-kurikulum ini tak terkulum pula, tetapi terpaksa juga kita selitkan di mana-mana di dalam ko-kurikulum pelajaran di sekolah-sekolah atau matapelajaran di sekolah-sekolah atau dari pra-sekolah, iaitu mendidik generasi muda ini kepada rasa kasih sayang, rasa tanggungjawab, rasa belas kasihan, rasa kekitaan, rasa kepunyaan dan juga rasa kepedihan. Ertinya kalau cubit peha kiri, peha kanan sakit juga. Kalau kita cubit orang, apa rasanya kalau kita kena cubit. Jadi ini perlu sangat diberikan penekanan-penekanan yang serius.

Saya pernah bercakap mengenai kursus kelaminan. Setiap ibubapa, setiap mereka yang ingin mendirikan rumahtangga, jangan biar mereka berangan-angan hendak berbulan madu sahaja, tetapi mereka juga kena memikirkan bagaimanakah madu itu nanti apabila sudah menjadi pahit, bagaimana hendak mengatasinya bila ada anak tiga dan empat sedangkan suami masih lagi muda, handsome, melawa ke sana ke mari atau isteri bekerja, suami bekerja gaji \$2,000, isteri bekerja gaji \$5,000, bagaimana dilema ini hendak dihadapi. Maka biasanya apabila berlaku gap atau ada renggangan perasaan antara keduanya, anak juga jadi mangsa.

Kadang-kadang bapa seksa anak kerana marahkan emaknya pergi mesyuarat selalu dan lairi-lain perkara. Jadi ertinya maksud saya ialah mestilah juga Kementerian yang berkenaan,

bukan Kementerian Kehakiman tetapi ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjalankan daya usaha dengan gigih. Hendaklah juga tok-tok guru, tak boleh juga lepas tangan tokoh-tokoh agama kita ini, tokoh agama Islam, tokoh agama Kristian, tokoh agama Buddha atau agama-agama lain, tolong dalam ceramah-rnereka, kalau dalam agama Islam, khutbah mereka, selitkan rasa kesedaran kefahaman mengenai tanggungjawab beranak, jangan tahu buat anak tetapi tak erti jaga anak dan tak tahu bertanggungjawab mengenai hari depan anak dan kesihatan anak-anak serta perasaan anak-anak. Jadi mereka juga perlu, janganlah asyik cerita neraka/syurga sahaja atau menceritakan berkenaan dengan perkara-perkara yang unsur kehidupan hariannya kurang. Perkara ini perlu juga dimasukkan dalam khutbah-khuiabah Jumaat sebabnya boleh disalurkan sedikit dalam dua minit, tiga minit rasa tanggungjawab, rasa kesedaran ini.

Selain daripada persatuan-persatuan, kita ada banyak persatuan-persatuan dalam Malaysia ini. Saya sudah tengok dalam daftar persatuan lebih kurang dekat 30,000 ada persatuan-persatuan, macam-macam jenis persatuan, kita dekati mereka ini supaya mereka memberikan satu daripada kegiatan persaluan itu ialah ceramah kaunseling mengenai pendidikan kasih sayang kekeluargaan. Dengan cara ini benda ini dapat berkembang dan kemudian bolehlah agaknya mereka yang belum sedar akan perkara ini dapat sedar atau dapat meredakan keadaan-keadaan demikian.

Tambahan lagi, sekarang ini kita sudah ada banyak taman didikan, taman bimbingan dan juga ada nurseri-nurseri. Di sini juga kita perlu tiap-tiap penjaga nurseri itu diinterview secukupnya, sebab saya ada tengok nurseri menjaga anak 30 orang oleh 2 orang. Kerjanya, di dalam susu ditaruh

sedikit ubat lidur, diberi susu, pukul 2.00 anak tidur sampai pukul 6.00, emak tak tahu kisah, lesu, letih, lesu. Ini boleh menjejaskan pertumbuhan otak anak-anak berkenaan. Saya pernah membuat kajian perkara ini. Nurseri-nurseri ini juga perlu diberikan perhatian. Emak bapa kira senang sahaja, hantar pagi, ambil petang, kadang-kadang ada juga yang ambil berat. Ada setengah itu dia kira nurseri itu tempat harapan dia, tak pernah teliti bagaimana kesihatan anak dia, pertumbuhan fikiran dan perkembangan psikologi anak itu sendiri, aktif atau lak aktif—lak, sebab ambil pukul 7.00 malam, pagi pukul 6.00 sudah hantar, hari minggu kadang-kadang dia pula ada hal, beri juga kepada nurseri. Jadi ini juga perlu diberikan perhatian.

Jadi kesimpulan, saya merayu kepada dua Kementerian yang berkenaan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga persatuan-persatuan supaya pendekatan psikologi, pendidikan dari segi pra-sekolah dan juga nurseri-nurseri dan juga supaya diadakan banyak kursus-kursus, ceramah-ceramah yang mengandungi pendekatan psikologi atau kaunseling mengenai perkara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa pandangan saya kerana kawan-kawan saya yang lain pun ramai yang hendak bercakap, saya ada banyak point-point lain tetapi setakat itu dahulu.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin Dewan untuk menyampaikan satu pesanan daripada sahabat baik kita yang dahulu berada dengan kita di Dewan tetapi sekarang ini telah cukup masanya, iaitu daripada Datuk Tiong Hiew King, salah seorang Senator yang aktif dan banyak budinya kepada Dewan ini dan kepada rakan-rakan, terutamanya melalui Kelab

Senator. Beliau entah macam mana terlupa tarikh akhirnya dia bersara daripada Senator selepas dua term. Apabila dia dapat tahu, dia pun menulis surat dan saya kalau dengan izin, ingin bacakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih. Saya bacakan sedikit, iaitu katanya:

"Tuan Yang di-Pertua, selama perkhidmaian 6 tahun yang lalu saya telah berusaha menyertai bersama Y.B-Y.B Ahli-ahli Dewan Negara lainnya dalam perbincangan Akta-akta di setiap mesyuarat Dewan ini...."

Memang sungguh, beliau tak pernah ketinggalan memberikan segala hujah-hujah bernasnya.

"Dalam keadaan inilah kita belajar kenal. Dari pergaulan kita ini dan dengan penyertaan dalam perbincangan urusan Dewan ini saya telah perolehi banyak pengetahuan dan pengalaman. Sekarang tempoh perkhidmatan saya telah tamat. Izinkanlah saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-Senator yang saya lama kenali atas pertolongan dan nasihat yang telali diberikan kepada saya selama ini. Sebelum saya ucapkan Selamat Tinggal kepada Yang Berhormat Senator-Senator yang saya kenal ataupun yang belum saya kenal, saya berharap bahawa dalam kehidupan sehari-hari kita tidak boleh congkak dan bongkak dan ketika kita berjuang demi kepentingan rakyat kita tidak boleh merasa gundah-gulana bahkan kita harus bersikap lebih gigih, bertekad teguh, mudah-mudahan kita semua akan dapat membuat sumbangan lebih kepada negara dan masyarakat kita.

Sekian, sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator-Senator sahabat-sahabat saya." **(Tepuk)**

Jadi saya juga rakamkan di Dewan ini, kita juga mengucapkan terima kasih kepada beliau sebagai sahabat kita yang banyak memberikan sumbangan bakti, bukan sahaja fikiran tetapi juga dari segi material.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini lagi sekali saya menyokong akan Rang Undang-undang di hadapan kita, iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah.

4.27ptg

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya sama-sama menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengannya atau berkaitan dengannya atau dengan ringkasnya disebut Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bertahun-tahun malah tiap-tiap hari kita selalu mendengar bahawa kanak-kanak yang masih mentah dan terlalu muda dan tak berdosa menjadi mangsa penderaan sama ada dari ibu bapa sendiri mahupun penjaga atau waris. Terdapat pula kes-kes yang terlalu berat didera hingga kanak-kanak itu meninggal dunia. Ada pula kes-kes penderaan di bahagian-bahagian anggota tubuh badan yang amat sensitif seperti yang kiii pernah baca di akhbar-akhbar atau di media-media

cetak di negara kita. Ada satu kes baru yang mengatakan ibu angkat panggang anaknya. Walaupunkanak-kanak itu ditakrif di bawah umur 18 tahun, yang selalu menjadi mangsa ialah kanak-kanak yang masih kecil, yang besar sedikit mungkin boleh melarikan diri. Dari kes-kes inilah yang akan menjadi mangsa tekanan jiwa, lari dari rumah dan melibatkan diri dalam berbagai perkara yang negatif.

(Tuan Ng Peng Hay
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah penderaan kanak-kanak ini berlaku? Pada pendapat saya, di antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penderaan ini kepada anak sendiri, anak tiri, anak angkat atau kepada kanak-kanak keseluruhannya ialah:

- (i) tidak mempunyai rasa kasih sayang dan peri kemanusiaan kepada kanak-kanak tersebut;
- (ii) mengikut emosi atau nafsu yang gariis bagi memuaskan haii;
- (iii) membalas dendam mungkin terhadap anggota keluarga lain, contohnya seseorang isteri berasa dendam terhadap suaminya, tetapi kepada anak yang menjadi mangsa kerana tidak berpeluang atau takut hendak mengambil tindakan terhadap suaminya;
- (iv) punca kekurangan kewangan atau perbelanjaan harian yang menyebabkan penderaan itu berlaku, contohnya kes yang berlaku di Terengganu, kerana anak-anak saudara menjadi satu beban tanggungan kepada keluarga;
- (v) mungkin kanak-kanak itu terlalu nakal atau degil atau keras hati lidak mahu mendengar atau mengikut satu-satu perintah yang disuruh; dan

- (vi) menunjukkan kekuasaan terhadap kanak-kanak kerana bila kanak-kanak itu didera, ianya tidak mampu melawan atau mempertahankan diri, jadi kemenangan adalah di pihak orang dewasa.

Tuan Yang di-Periua, Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 ini disusun dengan baik dan merangkumi 9 Bahagian dengan 50 Fasal yang teriib. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja, iaitu mukasurat 31, Pasal 34, pembawaan masuk kanak-kanak melalui dakwaan palsu, iaitu:

"Mana-mana orang yang melalui atau di bawah apa-apa dakwaan atau nyataan palsu, atau cara fraud atau perdayaan, yang dibuat atau digunakan sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membawa atau membantu dalam membawa mana-mana kanak-kanak ke dalam Malaysia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya."

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sekali kanak-kanak perempuan yang dibawah umur dibawa dari Thailand masuk ke Malaysia dan bekerja sebagai pembantu rumah oleh pihak-pihak tertentu. Ada di antara mereka yang mempunyai border pass, tetapi ramai pula yang dapat masuk tanpa sebarang dokumen. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah sindiket-sindiket ini meminta upah wang beratus-ratus ringgit di Kangar bagi seorang pekerja dari tuan rumah. Bila baru beberapa bulan bekerja, orang tengah ini akan membawa pula kanak-kanak yang sama ke tempat kedua dan seterusnya ke tempat lain dan mendapat upah yang melebihi kerana kanak-kanak ini telah mempunyai pengalaman bekerja.

Atasan orang tengah mengubah tempat kerja ini kerana kononnya keluarga kanak-kanak itu rnenyuruh kanak-kanak itu pulang ke rumah, tetapi sebenarnya tidak. Perkara ini telah dimaklumkan kepada saya, tetapi apabila saya syorkan supaya report ke pihak yang berkenaan, jawapannya negatif, susahlah, takutlah dan berbagai-bagai alasan lagi dan perkara ini masih berleluasa. Bagaimanakah tindakan boleh diambil terhadap orang yang begini?

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 10, keanggotaan Majlis, mukasurat 12 dan 13; Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut, iaiiu (a) hingga (m)—Ketua Pengarah, Timbalah Ketua Pengarah dan seterusnya, tak payah saya baca satu persatu. Kalau kita lihat susunan di atas, perkara ini amatlah baik di peringkat kebangsaan dan adalah amat baik juga susunan yang sama walaupun tidak dari KemeiHerian-kemenierian, diubahsuai dan diwujudkan jawatankuasa di negeri-negeri atau di daerah kerana perkara penderaan kanak-kanak dan hendak mencari jalan menyelesaikannya agak rumit. Kita perlu tenaga manusia yang ramai, mungkin pekerja-pekerja sukarela boleh menolong dalam hal tersebut.

Saya suka hendak mengesyorkan supaya pekerja-pekerja sukarela contohnya dari Lembaga Kebajikan Perempuan Islam atau Perkumpulan Perempuan (WI) atau dari National Council of Women's Organisations (NCWO) dapat memberi sumbangan di dalam hal ini kerana dalam program-program yang disusun sudah tentu akan dapat memberi ruang untuk menolong dan membantu.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 21, iaitu Bahagian V, Prosedur Mahkamah:

21. (1) Tertakluk kepada sub-seksyen (2) dan (3), tiap-tiap kanak-kanak yang

diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13(1) hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam dari masa dia diambil ke dalam jagaan sedemikian, dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana.

- (2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13(1) dan yang diperiksa atau dirawat dari segi perubatan di bawah Bahagian IV hendaklah dikemukakan ke hadapan Mahkamah Juvana dalam masa dua puluh empat jam dari masa pemeriksaan atau rawatan itu selesai atau, jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, dari masa dia dibenarkan keluar dari hospital."

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat penjelasan daripada Kementerian Kehakiman, adakah cukup masa dan adakah kanak-kanak diberi peluang untuk memberi kenyataan-kenyataan dan adakah kenyataan-kenyataan dari kanak-kanak ini boleh dipakai?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin penjelasan dari Kementerian Kehakiman mengenai dengan Pasal 31(1).

"31. (1) Jika pengambilan seseorang kanak-kanak lelah diberitahu kepada dan dibenarkan oleh Pelindung di bawah seksyen 30",

dan seterusnya (a) dan (b), saya ingin penjelasan daripada Kementerian Kehakiman, bolehkah nama kanak-kanak itu ditukar dari nama asalnya kepada nama yang baru oleh penjaga yang baru?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi mengatasi penderaan kanak-kanak ini oleh ibu bapa atau penjaga-penjaga mereka, perkara-perkara berikut perlu diambilkira atau dilaksanakan oleh sama ada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atau badan-badan sukarela yang memang merancang program-program mereka supaya berkhidmat kepada keluarga-keluarga yang berkenaan atau terus kepada kanak-kanak.

Di antaranya ialah:

- (i) ceramah-ceramah agama, ceramah-ceramah menekankan masyarakat penyayang dan ceramah-ceramah kesedaran sivik supaya ibu bapa mendapat kesedaran bahawa anak-anak itu adalah aset negara yang pada satu masa nanti akan menjadi pemimpin negara atau menjaga ibu bapa itu sendiri. Ceramah-ceramah tersebut perlu diadakan kepada semua kaum rakyat Malaysia;
- (ii) kursus-kursus atau seminar-, seminar juga perlu diadakan dengan kerjasama oleh JKKK atau PIBG supaya semua lapisan masyarakat akan dapat kesedaran sivik, mudah-mudahan ianya akan menjadi pendorong dan pedoman kepada ibu bapa atau penjaga;
- (iii) ceramah-ceramah kaunseling perlu diadakan oleh pihak-pihak yang berkenaan;
- (iv) mungkin perlu diadakan pemeriksaan oleh doktor-doktor pakar atau ahli-ahli psikologi terhadap ibu bapa yang terlibat, umpamanya mendera anak hingga maut. Adakah mereka lupa diri sendiri semasa mendera anak sendiri, atau adakah anak-anak itu menyerupai binatang atau musuh yang

paling ketat sehingga dengan penuh perasaan dan tenaga ingin memusnahkan anak sendiri.

Apa pula harus kita ambil tindakan sebagai jiran tetangga jika sekiranya di sebelah rumah kita berlaku penderaan kanak-kanak? Ada orang berpendapat dan bersikap bahawa 'mind your own business', dengan izin, sehingga tidak mahu mengambil tahu apa sahaja yang berlaku kepada jiran.

Saya rasa sekarang ini sifat yang sedemikian harus kita kikiskan kerana kita patutlah menyahut seruan Kerajaan kita ke arah masyarakat penyayang. Kalau terdapat atau disyaki bahawa penderaan kanak-kanak itu berlaku di sebelah rumah jiran kita harus bertindak sama ada membuat kunjungan ke rumah jiran, bertanya khabar kepada jiran ataupun melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan. Tindakan segera patut diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab sama ada dengan lawatan ke rumah-rumah berkenaan atau menggunakan orang-orang yang berkuasa seperti pihak Polis untuk menolong menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kila difahamkan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan telah mengadakan perkhidmatan telefon terus dan sebagainya untuk memberi kemudahan kepada kita. Jadi kita berasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan kita kerana telah mengambil tindakan undang-undang yang setimpal dengan penderaan kanak-kanak baru-baru ini. Perkara ini akan menjadi satu pelajaran dan peringatan serta teladan kepada orang-orang yang selalu mendera kanak-kanak.

Saya suka mengesyorkan kepada ibu bapa jika sekiranya mereka tidak mampu memelihara anak-anak mereka lagi, hantarkanlah anak-anak tersebut kepada Rumah Kebajikan atau kepada orang yang sudi memelihara mereka dan janganlah mereka mendera kanak-kanak yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah secara ringkas dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak . 1991. Terima kasih.

Tuan Ng Peng Hay: Silakan Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon.

4.41 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak lerima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di atas Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Perkara penganiayaan kanak-kanak ini sudah banyak tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan dan telah menjadi perbincangan hangat di kalangan rakyat. Hari Khamis dua minggu dulu, ada tersiar dalam TV yang menyatakan seorang kanak-kanak berumur 5 tahun mati disyaki dianiayai oleh bapanya sendiri, Perkara ini telah banyak menyayat hati semua orang yang berperni kemanusiaan dan yang bertanggungjawab dan sayang kepada kanak-kanak.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah dapat menggubal dan memperkenalkan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak ini tepat pada masanya. Di atas kecekapan yang dibuktikan oleh Kerajaan terutama sekali Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, saya mengucapkan syabas.

Sebab-sebab yang diberikan mengapa perkara ini berlaku adalah banyak, termasuklah latar belakang keluarga, penghijrahan ke bandar-bandar, tekanan hidup dari perubahan sosio-ekonomi dan disebabkan lain-lain lagi.

Jumlah penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan tahun lepas adalah 511 kes dan jumlah semua kes yang dilaporkan untuk beberapa tahun lepas hingga ke hari ini adalah lebih kurang 1700 kes.

Saya sungguh sedih mendengar penjelasan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Yang Berhormat Tuan Yong Khoon Seng yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini bahawa jumlah kes sebenar yang berlaku tidak dapat diketahui secara tepat oleh kerana keengganan orang ramai melaporkan kes-kes seperti ini. Ini bermakna jumlah kanak-kanak yang menderita dan nasib mereka tidak terbela, tidak diketahui. Maka terus menderita kanak-kanak ini sehingga dewasa.

Saya perhatikan bahawa peruntukan yang disediakan dalam Undang-undang ini mencukupi untuk melindungi kanak-kanak yang dianiayai. Dan saya sungguh gembira mengetahui bahawa perkara berhubung dengan memperdagangkan kanak-kanak juga termasuk dalam Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat memandang serius perkara memperdagangkan kanak-kanak ini. Banyak kes telah dilaporkan mengenai kanak-kanak dicolek dan tidak dijumpai semula. Pada hemat saya perkara ini lebih kecil lagi dari penderaan kanak-kanak. Kanak-kanak yang didera boleh dipertanggungjawabkan kepada orang-orang tertentu. Dan orang yang melakukan kesalahan dihukum dan nasib masa depan kanak-kanak itu dapat terbela. Tetapi kanak-kanak yang diperdagangkan tidak siapa yang tahu tentang apa yang terjadi kepada kanak-kanak itu. Jika kanak-kanak itu masih bayi mungkin kanak-kanak itu dijual untuk dibela oleh pasangan yang betul-betul mahukan anak. Sudah tentu masa depan kanak-kanak ini cerah dan

hidupnya mungkin bahagia. Tetapi malangnya kanak-kanak ini tidak akan tahu asal-usulnya mungkin sampai bila-bila masa pun. Bagaimana pula dengan anak-anak gadis yang di bawah umur 18 tahun yang dicolek dan diperdagangkan bukan untuk dipelihara tetapi untuk kegiatan maksiat seperti dilacurkan. Ini adalah satu malapetaka yang boleh menimpa kanak-kanak yang tidak bcrdosa.

Saya memberi contoh di atas untuk menekankan bagaimana serius perkara ini dan saya amat merasa tidak puas hali dengan penalti yang diperuntukkan iaitu denda tidak lebih dari \$5,000 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Orang yang memperdagangkan manusia ini biasanya tidak hairan dengan wang \$5,000 itu mahupun penjara 5 tahun, yang pada hakikatnya tidak sampai pun 5 tahun. Ini ialah oleh kerana wang yang diperolehi hasil dari perniagaan menjual manusia ini begitu lumayan. Sekiranya seseorang itu masuk penjara selama 5 tahun, apa yang hendak dirisaukan jika sekiranya perniagaannya selama ini sudah memberi keuntungan \$1 juta. Keluar sahaja dari penjara bolehlah hidup dengan senang-lenang semula.

Dengan itu saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah. Saya mahu mencadangkan supaya penalti untuk kesalahan memperdagangkan manusia ini ditambah lagi, denda \$10,000 dan penjara 10 tahun serta sebat dengan rotan 10 kali mungkin lebih realistik. Tujuan mengenakan hukuman yang berat seperti ini ialah untuk mematahkan semangat orang yang berniat berniaga manusia dan untuk memberi perlindungan yang lebih lagi kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya membincangkan perkara berhubung dengan kanak-kanak yang dianiaya termasuklah kanak-kanak yang diabaikan. Saya hendak bertanya di

seseorang kanak-kanak itu diberikan kepada orang lain untuk melindungkannya, maka terpisahlah kanak-kanak itu dari ibu bapa sebenarnya.

Di dalam kes di mana penganiayaan dilakukan oleh seseorang bapa yang kejam tetapi ibu kanak-kanak itu penyayang dan secara fizikal berupaya menjaga anaknya. Sekiranya bapa kejam ini dihukum penjara dan berpisah dengan isterinya, apakah bantuan yang boleh diberikan kepada si isteri untuk terus menjaga anak yang disayangi sedangkan selama ini beliau tidak pernah bekerja mencari nafkah oleh kerana si suami yang menyara hidupnya. Dengan nafkah yang cukup si ibu boleh menjaga anaknya dengan baik dan dengan penuh kasih sayang. Adalah sangat tidak adil jika anak-anak seperti ini dipisahkan dari ibunya hanya oleh kerana kedaifan ibunya. Kasih sayang yang diberi oleh ibu kepada anaknya begitu tulen, tiada orang lain yang boleh memberikan kasih sayang yang sama nilainya.

Dalam usaha kita membendung gejala penganiayaan kanak-kanak ini, ada baiknya jika usaha pencegahan juga dipertingkatkan. Sebagaimana kita maklum, mengikut pepatah Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Prevention is better than cure".

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas kepada seluruh negara dan Radio dan Televisyen Malaysia kerana telah menghasilkan beberapa buah iklan mengenai penyakit denggi, penganiayaan kanak-kanak dan keluarga bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula iklan mengenai penganiayaan kanak-kanak itu diisarkan, ada kanak-kanak yang menitis air mata melihatnya. Sungguh berkesan sekali. Saya yakin

titisan air mata kanak-kanak itu akan membawa kesedaran kepada ibu bapa kanak-kanak itu sendiri. Sekiranya iklan ini dihayati oleh semua keluarga dalam negara kita ini, saya yakin besar kemungkinan kes-kes penganiayaan ini akan berkurangan. Saya ingin mencadangkan di sini lebih banyak lagi iklan seperti ini dibuat dengan tema yang sama, tetapi pendekatan yang berlainan.

Seperkara lagi yang boleh dilakukan ialah dengan memberi pendidikan kepada ibu bapa tentang keperluan kasih sayang untuk kanak-kanak. Ada keperluan kasih sayang untuk kanak-kanak jika badan-badan agama atau badan-badan sukarela menganjurkan kursus untuk bakal-bakal pengantin supaya mereka tahu tentang tanggungjawab mereka terhadap anak-anak mereka, selepas mereka berkahwin. Memberi kasih sayang adalah tanggungjawab mereka. Ini perlu mereka ketahui dan fahami dengan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara penting yang patut juga saya sebutkan di sini ialah Kerajaan perlu mengadakan mekanisma perundingan bagi ibu bapa yang menghadapi kesulitan membela, mendidik dan membesarkan anak-anak mereka. Perkara ini boleh diadakan, umpamanya satu unit bimbingan dan kaunseling untuk ibu dan bapa ditubuhkan di setiap klinik kesihatan Kerajaan. Pegawai yang mengendalikan unit itu perlu mempunyai pengetahuan ilmu psikologi kanak-kanak, selain daripada ilmu perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, risiko kanak-kanak dianiaya adalah lebih tinggi di kalangan keluarga miskin, keluarga yang ada di antara ahli-ahlinya kaki botol atau tahi judi atau penagih dadah. Soalnya ialah bagaimana hendak mengawas keluarga yang tidak stabil seperti ini sebelum berlakunya perkara yang tidak diingini ke atas kanak-kanak

itu. Dalam kes-kes seperti ini, saya fikir kila cuma dapat mengharapkan maklumat dari orang ramai dan doktor yang memeriksa kanak-kanak itu. Saya yakin dengan adanya peruntukan perlindungan kepada pemberi maklumat dalam Rang Undang-undang itu, ramai orang yang bertanggungjawab akan tampil ke hadapan memberi maklumat. Yang penting ditekankan di sini ialah apabila maklumat diterima, ada petugas dari agensi-agensi tertentu yang boleh mengawas keluarga ini dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya petang ini, benarkan saya menyebut sedikit tentang satu perkara yang saya fikir penting juga disebutkan di sini. Ini ialah berhubung dengan pemeliharaan kanak-kanak yang telah dianiaya. Kita perlu ingat bahawa kanak-kanak yang dianiaya itu mengalami satu trauma yang akan memberikan kesan kepada hidup masa depannya. Apabila kanak-kanak ini diletakkan di bawah jagaan mana pihak, pihak yang bertanggungjawab itu perlulah arif dalam perkara ini dan tahu bagaimana hendak mengendalikan siiiiasi itu demi kesejahteraan kanak-kanak berkenaan. Jika perlu, Kerajaan boleh menubuhkan pusat pemulihan untuk kanak-kanak yang telah dianiaya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini dan sekali lagi mengucapkan syabas kepada semua yang berkenaan kerana telah mengambil berat tentang masalah itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya menjemput, saya harap Ahli-ahli yang hendak bercakap silalah ringkas ucapannya, kerana kita masih ada 3 Rang Undang-undang yang penting. Maka sekarang masih ada 3 orang yang hendak berucap. Di sini saya menjemput Yang Berhormat Puan Habidah.

5.07 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan kepada saya bersama dengan rakan-rakan bagi menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya. Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada 31hb Julai yang lepas, tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 ini adalah bertujuan untuk membuat peruntukan yang lebih baik bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Oleh kerana penderaan atau penyiksaan terhadap kanak-kanak di negara kita sejak akhir-akhir ini sudah menjadi masalah yang semakin membimbangkan dan sudah menjadi masalah negara berikutan dengan liputan akhbar, televisyen dan radio yang lelah memaparkan kes mencederakan dua beradik, iaitulah pada akhir tahun yang lepas di Terengganu, di mana kesalahan ini telah dilakukan oleh sepasang suami-isteri terhadap anak saudara isterinya sendiri dengan menggunakan api ataupun benda panas yang menyebabkan kedua-dua mangsa cedera parah. Dan perbuatan ini adalah di luar batas kemanusiaan, apatah lagi mangsa itu adalah keluarga terdekat mereka dan sedang berumur 3 tahun dan 4 tahun ketika itu. Alhamdulillah, baru-baru ini kita terdengar pesalah telahpun dihukum. Begitu juga banyak kes-kes penderaan yang lain berlaku di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun media massa sering menyiarkan berita penderitaan dan penderaan serta kejadian ngeri terhadap kanak-kanak, tetapi orang ramai masih tidak mengambil tahu, mungkin kerana kanak-kanak terbabit tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mereka.

Dengan adanya Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 ini, kita perlulah bersimpati dan mengubah sikap kita dengan tampil ke depan untuk melaporkan kejadian-kejadian penderaan yang kini menjadi satu masalah masyarakat kepada pihak berwajib, supaya kes penganiayaan ini tidak akan meningkat. Dan apa yang kita ketahui hari ini hanya sebilangan kecil sahaja, masih banyak lagi kes-kes penderaan yang tidak dilaporkan.

Kita tidak perlu menutup mata dan telinga kita, jika kanak-kanak yang malang itu anak orang lain yang menjerit meminta pertolongan. Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quranul-karim yang bermaksud: "Dan hendaklah kami bertolong-tolongan di atas perkara kebaikan dan taqwa kepada Allah, tetapi janganlah kamu bertolong-tolongan di atas perkara yang mendatangkan dosa dan per-sesteruan."

Tuan Yang di-Pertua, umat manusia adalah terdiri dari berbagai bangsa dan bermacam suku, bentuk badan, warna kulit, bahasa dan adat-resam. Masing-masing mempunyai rasa cinta, kasih dan sayang dan tiap-tiap manusia mempunyai dorongan yang kuat untuk mempertahankan kehidupan dan menjamin kelanjutan jenisnya. Dengan dorongan hidup ini pula menjadi sumber kekuatan untuk hidup bermaharajalela, siapa yang kuat menjadi raja, siapa yang lemah menjadi mangsa. Oleh kerana manusia menurut fitrahnya adalah makhluk istimewa, yang hidup berkembang maju dengan ikatan

kemasyarakatan, maka syarat utama bagi kemajuan dan kemasrayakatan itu ialah berpegang kepada dasar hidup dan memberi hidup, bukan kepada nafsu berebut hidup. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita semua adalah bertanggungjawab terhadap kebaikan sesebuah masyarakat dan masyarakat bertanggungjawab terhadap kebaikan anggota-anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua, anak adalah anugerah Allah s.w.t. kepada sesuatu keluarga dan sebagai penyambung zuriat pada masa akan datang. Maka bagi melindungi kanak-kanak supaya mereka dapat membesar dengan sempurna, sudah tentulah Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 ini amat penting dan bermanfaat. Oleh itu sebagai ibu bapa atau penjaga amatlah perlu mengasuh dan mengajar anak-anak dengan cara yang baik supaya mereka menjadi manusia yang berguna di kemudian hari, berguna kepada dirinya sendiri, berguna kepada keluarganya, berguna kepada masyarakat dan negara, sebagaimana Hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Tiap-tiap anak ataupun bayi yang dilahirkan itu adalah bersih, maka terpolung kepada kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani ataupun Majusi, sebagaimana seekor binatang melahirkan binatang yang lengkap anggotanya. Adakah kamu dapati sesuatu yang cacat anggotanya?"

Dengan Hadis ini jelas kepada kita semua pendidikan mempunyai pengaruh yang besar di dalam kehidupan manusia. Seorang manusia itu akan menjadi kebiasaan dengan asuhan dan didikan yang diterima semenjak ia dilahirkan ke dunia ini. Kalau seseorang itu dididik dengan; penuh kcimanan kepada Allah s.w.t. dengan pekerti yang baik, jadilah dia seorang yang beriman dan berakhlak mulia, demikian jugalah jika sebaliknya. Oleh itu ibu bapa atau penjaga adalah orang

yang mula-mula memainkan peranan penting di dalam pendidikan dan pembentukan sifat dan peribadi anak-anak, dari pendidikan itulah tercoraknya pembawaan hidup kanak-kanak bila dia besar nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Hadis yang telah saya bacakan tadi Rasullullah s.a.w. dengan tegas menerangkan bahawa kanak-kanak atau bayi itu dilahirkan ke dunia dalam keadaan bersih dan suci dari sebarang kekotoran jiwa dan iktikad, dia diibaratkan sebagai kain putih yang boleh dicorakkan dengan apa-apa warna yang dikehendaki. Di dalam hal ini kedua-dua ibu bapa atau penjagalah yang akan mencorakkan apa-apa warna atau sifat yang mereka kehendaki. Sekiranya kanak-kanak itu diasuh dan dididik mengikut cara Yahudi jadilah dia seorang Yahudi, demikian juga jika dididik mengikut cara Nasrani atau Majusi, jadilah dia seorang Nasrani ataupun Majusi. Rasullullah s.a.w. selanjutnya membandingkan sifat dan jiwa kanak-kanak yang dididik itu dengan anak-anak haiwan yang sudah tentu tidak ada suatu pun yang kurang, bukan sahaja dari segi anggota dan bentuk badannya, malah dari segi tingkah-taku dan cara hidup adalah sama seperti ibunya.

Tuan Yang di-Pertua, termasuk di dalam ertikata pencorak atau orang yang memberi asuhan ini ialah mereka yang bertanggungjawab dalam sesebuah masyarakat atau negara seperti pemerintah, pemimpin atau ketua masyarakat dan lain-lain. Mereka adalah bertanggungjawab terhadap rakyat dan orang-orang yang di bawah pimpinan mereka supaya menjadi orang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, kiiia sebagai ibu bapa hendaklah menyedari akan tugas kita yang amat berat dan amat penting di dalam mengasuh dan

mengajar sifat peribadi kanak-kanak yang di bawah jagaan kita, Kita hendaklah menunjukkan tingkah-laku yang baik dan memberi asuhan yang berguna mengikut jalan yang diredai Allah s.w.t dan Rasul. Di dalam Islam mengajar dan mendidik anak hingga ke tahap pukul sekalipun adalah disuruh, sebagaimana Hadis Nabi yang berbunyi:

"Muruasobi ya bi sollah, izabala wasabhatini, waizabala, waasaratinin, fadhribu hualaiha." (Hadis yang diriwayatkan oleh Iinam Termizi).

Pukul yang dimaksudkan oleh Junjungan Besar kita Muhammad s.a.w. itu adalah pukul untuk mengajar dan mendidik supaya menjadi manusia yang taat perintah Allah s.w.i. dan Rasul, berakhlak mulia, bukan pukul yang boleh mencacat dan mencederakan mereka. Teiapi apa yang kita dapati banyak berlaku dalam masyarakat kita hari ini, ibu bapa memukul anak-anaknya sekiranya anaknya tidak lulus peperiksaan SRP atau SPM. Jarang kila mendengar ibu bapa yang memukul anak kalau tidak menunaikan sembahyang, di manakah silapnya? Adakah kita hendak menuduh kepada pihak yang berwajib? Bukankah tugas dan tanggungjawab ini adalah dibebankan oleh Allah s.w.t. kepada kita sebagai keuia keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang mengandungi 9 Bahagian dan 80 Pasal ini, diharapkan tidak ada yang menuduh Rang Undang-undang ini bercanggah dengan ajaran Islam. Dan diharapkan tidak akan ada ibu bapa atau penjaga melakukan perkara-perkara yang tidak diingini terhadap anak-anak mereka, supaya anggota masyarakat dapat berkembang baik dengan maju dan makmur bagi mencapai cita-cita dan tekad pemimpin negara selaras dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah negara yang ingin maju dan membangun dengan pesatnya tidak memberi makna sekiranya rakyatnya tidak bersifat penyayang kerana masyarakat penyayang adalah faktor penting di dalam pembentukan sesebuah keluarga yang harmoni. Dan negara maju pula bukanlah negara yang rakyatnya sekadar mewah dan selesa tetapi juga berupaya mengembangkan kekuatan akidah dan rohani.

Tuan Yang di-Pertua, sifat penyayang ataupun pengasih adalah tali yang menghubungkan anggota keluarga antara satu sama lain, sehingga merupakan satu ikatan yang kukuh dan utuh. Yang menjadi syarat utama keutuhan keluarga ialah 'sakinah' yakni ketenteraman jiwa, serta adanya 'mawaddah' dan 'rahmah' yakni rasa cinta dan rasa sayang yang mengikat semua anggota keluarga.

Sebagaimana firman Allah yang bermaksud "Dan setengah daripada tanda-tanda kekuasaan Allah itu ialah diciplakannya bagi kamu isteri daripada jenis-mu supaya kamu tenteram distisnya dan dijadikan di antara kamu mawaddah dan rahmah, yakni kasih, rasa cinta dan kasih sayang. Sesungguhnya kesemuanya itu adalah tanda kebesaran bagi kamu yang mahu berfikir".

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kini sedang terancam oleh nilai-nilai negatif yang boleh meruntuhkan institusi keluarga dan institusi keluarga di negara kita, pada pandangan saya, pada masa ini boleh dibanggakan. Bagaimanapun, kita tidak menafikan adanya beberapa gejala yang tidak sihat di dalam masyarakat yang boleh dihindarkan, seperti kadar perceraian yang tinggi, penganiayaan kepada wanita dan penderaan kepada kanak-kanak sebagaimana Rang Undang-undang yang sedang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan Akta ini, di dalam Bahagian VII, Pasal yang bertujuan membuat peruntukan bagi memberitahu kepada seseorang pelindung, jika diambil ke dalam pemeliharaan, penjagaan atau kawalan seseorang selain daripada, antara lain, ibu bapa, penjaga atau keluarga terdekat. Di sini saya ingin penjelasan, bagaimana kalau seseorang yang mengambil anak angkat kemudian dibin ataupun dibintikan anak tersebut dengan namanya, adakah akan dikenakan apa-apa tindakan kepada ibu bapa anak angkat tersebut. Kita sedia maklum, dari segi agama Islam, haram bagi seseorang menamakan anak itu dengan binnya ataupun bintinya, kerana membabitkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku seperti masalah pesaka, masalah muammalah, keluarga dan sebagainya. Apa pula tindakan yang akan diambil kepada mereka yang membuang anak-anak merata-rata, kerana sebagai manusia biasa, kalau ada undang-undang yang menghalang mereka daripada berbuat demikian, barulah mereka merasa takut, pada hal undang-undang Allah yang perlu ditakuti.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pindaan Akta ini, hukuman kepada pendera kanak-kanak ditingkatkan daripada denda tidak melebihi \$5,000 dan penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya, kepada denda tidak melebihi \$10,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya, amatlah dialukan. Demikian juga denda bagi kesalahan membenarkan kanak-kanak mengemis ditingkatkan daripada tidak melebihi \$250 atau penjara tidak melebihi 3 bulan kepada denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, membenarkan kanak-kanak mengemis adalah satu perbuatan yang keji dan hina, kerana yang sepatutnya berusaha mencari rezeki ialah ibu bapa atau penjaga.

Merekalah orang yang bertanggung-jawab untuk memberi perbelanjaan, makan dan minum kepada kanak-kanak, bukannya dengan membiarkan kanak-kanak itu mencari makan dengan mengemis merata-rata. Juga dengan membenarkan kanak-kanak mengemis boleh menjatuhkan imej negara kita kepada pelawat-pelawat yang sentiasa mengunjung negara, sedangkan negara kita meletakkan di dalam Perlembagaannya Islam sebagai agama rasmi negara. Serta tidaklah sesuai dengan martabat seseorang manusia, iaitu ibu bapa ataupun penjaga bila ia merendahkan dirinya dengan mengharapkan rezekinya dari orang lain atau membiarkan dirinya menjadi beban kepada kanak-kanak yang lemah. Untuk memenuhi hajat hidup ini, ibu bapa atau penjaga hendaklah berusaha, berikhtiar pada jalan yang patut dan terhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan ibu bapa atau penjaga daripada melakukan penderaan terhadap kanak-kanak, maka di sini dicadangkan:

- (i) supaya Kerajaan membanyakkan kempen-kempen bagi mencegah penderaan kanak-kanak di seluruh negara dengan menggalakkan orang ramai supaya membantu kanak-kanak yang didera itu dengan melaporkan kejadian-kejadian itu kepada pihak Polis ataupun pihak berkuasa;
- (ii) menanamkan kesedaran kepada ibu bapa dan juga membanyakkan poster-poster, buku-buku penerangan, iklan-iklan di televisyen dan media massa;
- (iii) sistem pendidikan persekolahan perlulah ke arah menjadi masyarakat penyayang dan masyarakat ikram; dan

- (iv) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah sentiasa memberi hebahan sepanjang masa.

Adalah disyorkan juga supaya memperuntukkan satu peruntukan khas agar kanak-kanak itu tidak didera pula di Mahkamah semasa perbicaraan dijalankan, kerana yang kita hendak hukumkan ialah pendera ataupun orang dewasa dan bukannya kanak-kanak. Mungkin semasa perbicaraan diadakan, kanak-kanak merasa dirinya didera sekali lagi, iaitu semasa kanak-kanak itu diminta memberi keterangan. Oleh itu disyorkan semasa perbicaraan itu dibuat, kanak-kanak hendaklah diasingkan di tempat-tempat yang tertentu dan janganlah diletakkan bersama-sama dengan orang ramai sama ada dengan cara video atau televisyen ataupun mana-mana cara yang difikirkan sesuai, agar kanak-kanak tidak akan berasa "sudah jatuh ditimpa tangga".

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini memanglah sesuai sekali sebagaimana Nabi bersabda, yang bermaksud "Tidaklah termasuk dalam golongan kami sesiapa yang tidak menghormati orang yang lebih tua daripada kami dan lidak menyayangi anak-anak yang lebih kecil daripada kami". Maka dengan sebab itulah pemimpin-pemimpin kita telah menggubalkan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 sebegini rupa.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Perlua, saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

5.28 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan serta menyokong Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus masuk kepada pokok persoalan bahawa persidangan kali ini bagi meluluskan Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah kes penderaan kanak-kanak yang kini telah menjadi masalah negara. Saya merasakan bahawa kes penderaan yang ditanggung oleh seseorang kanak-kanak berketurunan India, Balasundram, tentu masih segar dalam ingatan kita semua. Kematian Balasundram yang berpunca dari penderaan telah menyentuh hati nurani masyarakat penyayang di negara yang tercinta ini. Dalam perkembangan terbaru, kita telah diberi tahu bahawa terdapat beberapa kes-kes baru yang dilaporkan telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah ini merupakan sebagai satu gejala sosial yang paling membimbangkan. Tambah membimbangkan kita lagi ialah kerana kes penderaan kanak-kanak ini dikatakan telah meningkat dari setahun ke setahun. Dalam perkembangan terakhir, menurut laporan Pasukan Pengkaji Kanak-kanak Yang Disyaki Didera Dan Dianiaya (SCAN), bahawa masih lagi banyak kes-kes penderaan yang tidak dilaporkan, dan apa yang kita ketahui sekarang hanyalah sebilangan kecil sahaja.

Sebenarnya, salah satu sebab kenapa kes-kes penderaan ini tidak dapat dibongkar ialah kerana sikap sebahagian masyarakat yang menutup mata dan telinga terhadap kejadian yang berlaku walaupun kadang-kadang mereka sendiri mendengar kanak-kanak

yang menjadi mangsa itu menjerit meminta pertolongan. Dari pengamatan saya, perkara ini berlaku ialah kerana cara hidup sebahagian anggota masyarakat kita pada masa kini ialah cara hidup yang terlalu individualistic dan tidak mahu mengambil tahu tentang hal-hal yang berlaku di persekitaran walaupun hal-hal itu menyentuh tentang persoalan nasib dan masa depan kanak-kanak yang menjadi sebahagian daripada anggota warga-negara.

Faktor yang kedua kenapa lerdapat di kalangan masyarakat yang sanggup menutup mata dan telinga terhadap kejadian yang berlaku, pada hemat saya ialah kerana mereka tidak mahu diheret ke muka pengadilan menjadi saksi kerana takut kalau-kalau nyawa dan keselamatan mereka diancam oleh orang-orang yang melakukan penderaan. Oleh hal yang demikian, bagi menjamin orang-orang yang memberi maklumat supaya tampil ke depan dalam rangka menyelamatkan kanak-kanak dan masyarakat, maka adalah bertepatan di mana Rang Undang-undang yang dicadangkan ini menerusi Pasal 46 memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dengan merahsiakan identiti pemberi maklumat supaya tidak didedahkan di dalam mana-mana proceedings atau di mana-mana mahkamah atau tribunal atau di hadapan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendengar keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi merujuk kepada kajian yang dibuat oleh pasukan kanak-kanak yang disyaki didera dan dianiaya (SCAN) yang ada hubungan dengan Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan sekarang ini. Menurut kajian SCAN mendapati orang Melayu merupakan golongan yang paling banyak melakukan penderaan di dalam tempoh 1985 hingga 1990 iaitu sebanyak 235 kes. Daripada kelururan orang India—203, Tionghua—81 dan

lain-lain 36. Perangkaan SCAN juga menunjukkan bahawa penderaan fizikal oleh ibu kandung ialah sebanyak 68 kes, bapa kandung ialah 94, ibu bapa 49, ibu bapa tiri 44, ibu bapa angkat 11, saudara-mara 39, adik-beradik 6, penjaga 24 dan lain-lain 19 dan juga yang tidak diketahui ialah 12 kes.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan di atas adalah munasabah kalau kita sampai kepada suatu kesimpulan bahawa masyarakat Malaysia sekarang ini sedang mengalami satu proses keruntuhan pegangan nilai-nilai agama dalam bidang kehidupan. Ini ialah kerana sebahagian daripada masyarakat Melayu tidak lagi melihat anak-anak sebagai satu amanah Tuhan yang perlu dijaga dengan baik. Nilai agama yang mengajak kepada kita bahawa anak-anak merupakan satu aset sudah tidak berfungsi lagi. Ajaran Islam yang mengatakan bahawa Tuhan hanya akan berkenan menerima doa-doa anak yang soleh semacam sudah dilupakan oleh penganutnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memberanikan diri untuk berkata demikian ialah kerana kalau kita masih berpegang kepada nilai-nilai agama maka sudah pasti mereka yang terlibat dengan kes penderaan akan mendidik dan membimbing anak-anak dengan penuh kasih sayang kerana kepercayaan agama mengatakan doa anak-anak yang soleh akan diperkenankan oleh Tuhan. Tetapi hari ini keadaan menjadi sebaliknya sehingga Kerajaan terpaksa menggubalkan satu Rang Undang-undang bagi mengatasi masalah ini. Saya penuh yakin dan percaya bahawa di samping keperluan undang-undang ada faktor-faktor lain yang dapat menolong membantu bagi menyelamatkan atau menyeiarskan masalah. Di sinilah saya melihat betapa pentingnya nilai-nilai dan norma-norma agama boleh berperanan dalam proses menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan dan suasana yang ada hari ini yang berhubung-kait dengan keluarga dan penderaan kanak-kanak, saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa masalah penderaan kanak-kanak ini sebenarnya membayangkan kepada kita yang institusi keluarga dalam masyarakat Malaysia kini sedang menghadapi krisis. Di samping itu ada unsur-unsur lain yang bertanggungjawab dalam membentuk keluarga dan seterusnya membawa berlakunya gejala-gejala yang merosakkan. Kalau boleh saya menyebutkan di sini secara ringkas mengenai unsur-unsur yang sedikit sebanyak mempengaruhi dan membentuk keluarga dan masyarakat ialah tentang media massa yang perlu dilihat sebagai satu ciri pendidik, gaya hidup masyarakat kota dan kosmopolitan, sistem pendidikan dan beberapa unsur lain yang telah mendorong anggota masyarakat dan keluarga mementingkan nilai-nilai kebendaan sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap manusia yang hidup.

Tuan Yang di-Pertua, unsur-unsur inilah sedikit sebanyak yang saya kalakan tidak bertanggungjawab dalam menyumbang ke arah kerosakan keluarga dan individu yang akhirnya membawa kepada penderaan kanak-kanak. Bagi mengatasi masalah ini adalah diharapkan kesemua agensi dan Kementerian supaya sama-sama memastikan bahawa tujuan Rang Undang-undang ini dapat dicapai dengan berkesan di samping memberikan serta mendedahkan nilai-nilai yang baik dan murni agar kes penderaan ini dapat diatasi dalam masa yang sesingkat mungkin.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, amat sesuai dan bijaksana dalam keadaan dan suasana yang ada pada hari ini Kerajaan menggubalkan Rang Undang-undang ini bagi menyelamatkan kanak-kanak sebagai anggota

masyarakat dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

5.38 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk saya mengemukakan pandangan-pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Pasal 2, kanak-kanak ialah yang berumur kurang daripada 18 tahun. Penentuan umur 18 tahun bermakna satu penetapan rasmi tetapi mengikm Pasal 45, penentuannya akan ditentukan oleh mahkamah. Maka di sini saya mengambil peluang untuk mengemukakan satu pandangan bahawa bayi ataupun kanak-kanak bagi saya ialah mereka yang belum baligh kerana yang sudah baligh, fikiran mereka sudah dewasa dan jika berkahwin sudah boleh melahirkan anak. Umur mereka yang baligh bagi perempuan yang sihat dan subur tubuh badannya sekurang-kurangnya 9 tahun dan bagi laki-laki 15 tahun sekurang-kurangnya. Bagaimana bagi golongan mereka yang berkahwin yang berumur antara 9 tahun hingga 18 tahun dan mungkin sudah mempunyai dua orang anak atau tidak berkahwin tetapi mereka ini sudah mempunyai anak sama ada yang sudah dilahirkan ataupun belum dilahirkan. Sementara itu, tanggungjawab ibu bapa yang afdalnya ialah daripada kanak-kanak atau bayi hingga berkahwin. Setelah berkahwin seelok-eloknya mengasingkan diri. Maksud saya, tinggal di rumah sendiri.

Sesuai dengan Fasal-fasal yang lain bagi menghujahkan untuk pertimbangan pihak-pihak yang akan mengkaji, maka suka saya memperkatakan bahawa penganiayaan adalah suatu

konsep sebagai perbuatan menyiksa ataupun menyakiti yang acapkali dilakukan terhadap manusia ataupun binatang. Perbuatan ini dilakukan oleh manusia yang tidak berperike-manusiaan. Penganiayaan ini dilakukan dari segi fizikal, mental ataupun seksual. Sejarah penganiayaan terhadap kanak-kanak bermula dari sejak zaman silam. Pada zaman itu, kanak-kanak perempuan ditanam hidup-hidup, kononnya dicurigai ibu bapa akan mendapat malu ataupun sial.

Membunuh anak ada juga disebabkan anak tidak menarik hati, takut akan miskin. Kanak-kanak juga selain daripada dijadikan untuk upacara ritual ataupun pemujaan, ramai juga dijadikan bahan dagangan, dijual dari seorang ke seorang, di peringkat dalam negeri ataupun di peringkat antarabangsa.

Pembunuhan bayi, anak dalam kandungan juga berlaku disebabkan sidara belum berkahwin atau akan malu besar bagi keluarga yang berkenaan. Pembunuhan bayi tidak dibesarkan tetapi cara pergaulan yang terlalu luas lelaki/perempuan mungkin berlaku.

Bayi yang berumur 3 bulan ke atas boleh dianggap sebagai kanak-kanak. Sejak zaman keagungan Melayu beberapa abad dahulu hingga beberapa tahun di akhir-akhir ini yakni zaman moden ini, penganiayaan kanak-kanak nriungkin tidak berlaku disebabkan masyarakat pada masa dahulu amat luas perhubungan keluarga. Dalam kekeluargaan mereka sentiasa sahaja kunjung-mengunjungi dari rumah ke rumah. Suatu majlis ataupun keramaian yang hendak diadakan pada masa itu diadakan secara gotong-royong. Gotong-royong yang diadakan itu tidak begitu menyusahkan tuan rumah ataupun penganjur. Tuan rumah yang terlibat hanya mengadakan tempat, manakala sumber-sumber majlis sama

ada wang ringgit, harta-benda yang lain disumbangkan oleh orang lain dan sumbangan itu adalah dengan penuh ikhlas dan berharap semata-mata keredaan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara bermuafakat yang timbul dari hati yang tulus ikhlas itu timbullah pula rasa kasih sayang yang mendalam dan berpanjangan. Dengan timbulnya kasih sayang yang sejati inilah tegur-menegur dalam sesuatu hal amat dihargai dan dipandang tulus ikhlas. Dengan sifat-sifat yang diwujudkan itu, jika ada sesuatu yang hendak berlaku atau yang kurang enak didengari hanya dengan cara nasihat ataupun nasihat-menasihati antara satu sama lain. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada zaman ini nasihat-menasihati amat jauh sekali kerana disegani ataupun takut dimarahi oleh kawan, rakan ataupun jiran.

Tuan Yang di-Pertua, majlis gotong-royong sekarang ini diadakan berlainan dan kurang memberi pengertian ataupun penghayatan. Majlis-majlis tidak disertai dengan secara langsung ataupun terus oleh masyarakat. Kebanyakan majlis-majlis diadakan di dewan ataupun di hotel-hotel yang besar, dilayan oleh pelayan-pelayan yang cantik molek dan sebagainya. Dalam membanteras penganiayaan bayi ataupun kanak-kanak, masyarakatlah sebenarnya boleh memainkan peranan penting ke arah pembasmian penganiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa perlu diwujudkan di semua peringkat sama ada di peringkat kebangsaan, negeri ataupun daerah dan juga di kampung-kampung. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi menyedarkan masyarakat dalam kkeluargaan yang harmoni. Jawatankuasa ini hendaklah memastikan bilangan keluarga yang ada dan diagihkan bilangan keluarga bagi satu-satu kumpulan dan kumpulan itu sentiasa mengambil tahu masalah-

masalah kehidupan sosial keluarga itu dan bertanggungjawab membantu dalam memberi tunjuk ajar dalam semua aspek kehidupan. Insyallah, dengan langkah-langkah yang saya utarakan itu akan dapat dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan semoga usaha-usaha Kerajaan kita ke arah membanteras penganiayaan kanak-kanak ini dapat dipastikan.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibahaskan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk memberikan jawapan.

5.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang berhormat Puan Hajah Salbiah Mohd. Akim, Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah Haji Mohd. Salleh, Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Puan Hajah Habidah Jusoh, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail dan Yang Berhormat Tuan Saidin Mohamad yang telah mengambil bahagian dengan menunjukkan penuh minat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak.

Ini juga menurijukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat memandang berat terhadap isu pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dalam negara kita. Sebagai pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh kemasyarakatan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama di negara kita, Ahli-ahli Yang Berhormat telah

memberi pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang amat dihargai. Saya akan menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan secara umum. Kalau ada yang saya tidak dapat jawab pada masa ini, kita akan ambil perhatian dan tindakan di masa kita melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Mengenai soal mengadakan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ke seluruh negara kita, saya hendak menjelaskan di sini bahawa kita ada Pasukan Perlindungan Kanak-kanak sehingga di kawasan daerah. Pasukan ini dianggotai oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Perubatan, Pegawai Polis, Pegawai Pentadbir dan lain-lain para profesional termasuk juga pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan yang berminat terhadap kebajikan kanak-kanak.

Di bidang pendidikan awam dan juga pendidikan masyarakat mengenai penganiayaan kanak-kanak sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sememangnya sentiasa mengadakan pendidikan awam dari masa ke semasa untuk menyedarkan masyarakat terhadap masalah penganiayaan kanak-kanak yang semakin meningkat di negara kita. Pendidikan awam tersebut adalah merupakan ceramah, mengeluarkan risalah-risalah, seminar dan majlis dialog. Pendidikan awam yang lebih meluas akan diadakan secara berterusan apabila Akta yang baru ini dilaksanakan kelak.

Ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menyentuh hal hukuman sebat. Hukuman sebat dimasukkan dalam Pasal 26 kerana kesalahan yang dipcruniukkan dalam Pasal 26 adalah umum. Oleh itu, hukuman yang diperuntukkan adalah satu jalan tengah setelah mengambil kira bahawa kesalahan dalam Pasal ini meliputi juga bentuk-bentuk penderaan yang berlain-lain, ada ringan dan ada

berat. Apa yang lebih penting dalam Pasal 26 ialah peruntukan yang akan membolehkan mahkamah memerintahkan seseorang yang didapati telah mendera kanak-kanak supaya menjalani kaunseling atau psikoterapi. Peruntukan ini tidak ada sekarang. Dengan peruntukan ini ibu bapa atau penjaga yang melakukan penderaan kerana mempunyai masalah psikologi dan sebagainya akan dapat diberi pertolongan supaya selepas itu keluarga yang berkenaan akan dapat menjadi satu keluarga yang sempurna. Pasal 26 tidaklah dimasukkan untuk menggantikan peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan. Adalah dijangkakan bahawa dalam kes-kes yang serius, pertuduhan akan dibuat di bawah Kanun Keseksaan. Dalam Kanun Keseksaan terdapat berbagai-bagai peruntukan yang dapat digunakan untuk kes-kes penderaan yang serius.

Kita ada lambah satu Pasal 28, iaitu satu peruntukan undang-undang yang baru iaitu jikalau seorang ibu bapa atau penjaga meninggalkan seorang kanak-kanak tanpa mengadakan pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan, ia boleh didenda. Ini satu undang-undang yang baru dimasukkan.

Dengan itu saya fikir semua pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai tokoh kemasyarakatan amatlah dihargai dan kita akan ambil perhatian yang serius dan akan ambilkira di mana kita jalankan pelaksanaan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Pasal 1 hingga 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA LOTERI
PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN
KEBAJIKAN (PEMBUBARAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55ptg.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991 dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini mempunyai tiga tujuan utama iaitu:

- (i) memansuhkan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1952-1962;
- (ii) membubarkan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang telah ditubuhkan di bawah Akta itu: dan
- (iii) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pembubarannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan telah ditubuhkan dalam tahun 1950. Tujuan utama Lembaga Loteri ditubuhkan ialah untuk-menganjurkan loteri awam. Hasil bersih loteri tersebut adalah digunakan untuk membiayai projek-projek sosial dan kebajikan. Sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1950 sehingga operasinya diberhentikan dalam tahun 1990, Lembaga Loteri telah beroperasi selama 40 tahun. Pada keseluruhannya Lembaga Loteri telah berjalan dengan baik dan operasinya telah menerima sambutan yang memuaskan daripada orang ramai. Walaupun demikian, Kerajaan seringkali dikritikkan kerana telah melibatkan diri secara langsung dalam perjudian.

Pada 4hb April 1990, Kerajaan telah mengumumkan keputusannya untuk memberhentikan operasi Lembaga Loteri dalam masa 6 bulan. Keputusan ini telah diambil dengan tujuan memberhentikan penglibatan Kerajaan secara langsung dalam perjudian. Di samping itu, Kerajaan juga mengambil keputusan bahawa langkah ini tidak akan menjejaskan operasi-operasi yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat sektor swasta. Memandangkan bahawa dalam negara kita yang berbilang kaum dan agama, Kerajaan perlu bersikap liberal dan mengambilkira amalan dan kepercayaan yang berbeza-beza terhadap perjudian di sisi perpaduan negara.

Lembaga Loteri telah memberhentikan segala operasinya menjual tiket dan mengadakan cabutan mulai 12hb Oktober 1990. Semasa pengumuman dibuat, Lembaga Loteri mempunyai seramai 66 kakitangan tetap. Tindakan sedang diuruskan untuk menyerapkan kumpulan ini ke perkhidmatan awam. Kakitangan-kakitangan kontrak dan sambilan seramai 64 orang telah

diberhentikan kerja mengikut syarat kontrak masing-masing. Di samping itu, kumpulan ini juga telah dibayar saguhati yang tidak disyaratkan dalam kontrak mereka sebagai satu pertimbangan khas oleh Kerajaan atas sumbangan mereka terhadap operasi Lembaga Loteri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991 mempunyai 10 Pasal. Secara ringkas Rang Undang-undang ini, di antara lain, mengadakan peruntukan-peruntukan seperti berikut.

Fasa 1 akan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan satu tarikh melalui pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* bagi memansuhkan Akta Lembaga Loteri yang berkuatkuasa masa kini serta membubarkan Lembaga Loteri. Peruntukan ini adalah perlu untuk memberi masa yang cukup bagi Kerajaan menyelesaikan segala urusan berkenaan dengan kakitangan Lembaga Loteri sebelum tarikhnya yang dimaksudkan itu diwartakan.

Fasa 4 mengadakan peruntukan bagi penurunan kuasa-kuasa, hak-hak, keistimewaan-keistimewaan, tugas-tugas, liabiliti-liabiliti dan kewajipan-kewajipan Lembaga Loteri kepada Kerajaan.

Fasa 5 dan 6 mengadakan peruntukan bagi pemindahan semua wang, harta alih atau tidak alih serta aset-aset lain Lembaga Loteri kepada Kerajaan.

Fasa 7 mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap Kerajaan sebagai menggantikan Lembaga.

Fasa 8 mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan sebagai menggantikan Lembaga Loteri.

Fasa 9 mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perinlah, kaedah dan peraturan yang menyentuh atau melindungi Lembaga untuk dipakai oleh Kerajaan.

Fasa 10 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya ada apa-apa kesukaran semasa pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir yang lebih lanjut mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991 boleh didapati dalam huraian Rang Undang-undang tersebut.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak Kerajaan untuk merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Lembaga Loteri, kakitangannya dan agen-agen Loteri atas segala sumbangan mereka yang telah menjayakan operasi Lembaga Loteri sejak ianya ditubuhkan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada orang ramai kerana tanpa sokongan dari mereka, Lembaga Loteri tidak akan dapat mencapai segala kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed); Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962 untuk membubarkan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang

ditubuhkan di bawah Akta itu, untuk memindahkan segala hartanya kepada Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Puan Hajah Habidah.

6.04 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong serta membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962, untuk membubarkan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang ditubuhkan di bawah Akta itu, juga untuk memindahkan segala hartanya kepada Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat akan mengambil masa berapa lama?

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap? Silakan.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang singkat sahaja di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Dengan adanya Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran), 1991 ini, maka kita sedia maklum di dalam Rang Undang-undang ini adalah mengandungi 10 Pasal dengan ljuan-tujuan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, arak dan judi adalah dua di antara penyakit sosial yang sudah berakar umbi di dalam sesuatu masyarakat kerana pada judi dan arak ada mudarat dan ada manfaat bagi manusia. Akan tetapi, mudaratnya lebih besar daripada manfaatnya. Sebagaimana Firman Allah di dalam al-Quranul-Karim yang bermaksud:

"Akan ditanya kepada engkau wahai Muhammad, daripada arak dan judi, katakan olehmu pada kedua-duanya ada dosa yang besar dan ada manfaat kepada manusia dan dosa kedua-duanya, iaitu arak dan judi, adalah lebih besar daripada manfaatnya. Dan akan ditanya kepada engkau apa yang engkau belanjakan, katakanlah selebih dari apa yang diperlukan. Yang demikian iiu adalah tanda Allah bagi kamu untuk kaum yang ingin berfikir."

Dengan ini jelaslah kepada kita arak dan judi ada mudarat dan manfaat kepada kita manusia. Akan tetapi, mudaratnya lebih besar daripada manfaatnya dan di dalam Firman Allah yang saya bacakan tadi, Allah tutupkan ayat itu dengan anjuran supaya kamu berfikir, yakni fikirlah apa yang seharusnya kamu berbuat di dalam keadaan yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mudarat yang timbul sebagai akibat judi dan arak tadi adalah menyebabkan permusuhan dan kebencian di antara satu sama lain. Arak dan judi adalah kotor. Tiap-tiap yang kotor mengotorkan dan merosakkan—mengotorkan moral dan merosakkan akhlak, maka jauhilah barang yang kotor dan merosakkan ini.

Rayuan syaitan agar kemajuan menuju kejayaan jangan terhalang oleh kerosakan moral, sesuai dengan hasrat Kerajaan kita menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 ini. Wawasan ini dirancang supaya rakyat

Malaysia dihormati dan disanjung tinggi serta boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan penduduk negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991 ini, disyorkan juga supaya pihak berkuasa mengharamkan semua perkara yang berbentuk judi di negara kita kerana walaupun sudah jelas kepada kita orang-orang Islam bahawa judi itu haram dan lesen judi yang diberi ialah untuk orang-orang yang bukan Islam sahaja, tetapi perjudian yang dilakukan oleh orang-orang Islam di negara ini dipersalahkan kepada Kerajaan. Oleh kerana judi itu kotor dan daripada amalan syaitan yang memudaratkan kepada seorang yang suka berjudi, maka amatlah wajar judi itu dibubar dan diharamkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebentar tadi saya mengaiakan bahawa saya tidak akan mengarnbil masa yang panjang untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, tetapi ingin juga saya kemukakan di sini, Tuhan juga berfirman di dalam Al-Quranul-Karim yang bermaksud:

"Sesungguhnya arak dan judi, patung serta menilik nasib itu adalah najis daripada amalan syaitan, maka hendaklah kamu jauhinya, mudah-mudahan kamu mendapat kejayaan".

Maka sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991 ini dengan sepenuhnya dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth.

6.10 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya tidak ingin untuk memberi ucapan yang begitu panjang, hanya dua atau tiga minit sahaja.

Perkara yang pertama yang saya ingin sentuh ialah memandangkan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan ini telahpun ada sejak tahun 50an. Apa yang saya ingin tahu dan juga saya percaya rakyat juga ingin ketahui, apakah pertolongan dan juga donasi-donasi untuk kebajikan yang telahpun diberikan oleh Kerajaan daripada organisasi ini. Saya percaya sedikit sebanyak atau apa juga yang telah diterima melalui Loteri Perkhidmatan Masyarakat ini tentu sekali ada juga memberi manfaat kepada rakyat pada keseluruhannya.

Yang keduanya, ada atau tidak alternatif organisasi yang mungkin boleh menampung balik income, dengan izin, yang begitu banyak yang telah didapati melalui organisasi yang lalu ini untuk kebajikan juga.

Akhir sekali saya juga ingin menyarankan ada baiknya segala aset-aset yang akan diambil balik oleh Kerajaan tentu sekali dipulangkan kepada organisasi yang berkaitan untuk kebajikan. Dari itu saya harap apa juga yang akan dikumpul dan diserahkan kepada pihak kebajikan itu, hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya. Itu sahaja yang saya hendak bawa ke mari. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman.

6.12 ptg.**Tuan Azman Atar bin Othman:**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk hendak bercakap kalau boleh, kurang lagi dari tiga minit dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991.

Tuan Yang di-Perlua, saya menyokong penuh dasar Kerajaan supaya memansuhkan dan membubarkan. Tetapi oleh kerana saya ingin bercakap dalam menentukan nasib pekerja-pekerja yang telah berkhidmat dalam loteri perkhidmatan masyarakat ini. Saya ingin tahu di mana orang-orang ini nanti akan diletakkan bekerja. Sama ada orang ini terus dipencenkan ataupun masih lagi diberi peluang untuk diserapkan di dalam Kementerian yang lain. Oleh kerana saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita hendak mengadakan satu-satu dasar Kerajaan untuk kepentingan rakyat bersama, kita jangan lupa untuk mengadakan satu dasar sehingga kita boleh menjejaskan dan memasukkan pasir ke periuk nasi pekerja-pekerja terutamanya kepada pekerja-pekerja loteri kebajikan masyarakat.

Saya berani bercakap begitu, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikutkan sedih memang saya juga turut sedih atas pemansuhan ini kerana saya salah seorang Ahli Lembaga Pengarahnya, saya sudah kehilangan elaun. Tetapi oleh kerana kepentingan negara setelah difikirkan dengan begitu semasak-masaknya mungkin ada kebaikan untuk hendak memansuhkan dan membubarkannya. Tetapi di dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin mendesak pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sendiri untuk menentukan semua pegawai-pegawai dan kakitangan kebajikan masyarakat yang ditugaskan untuk

Loteri Perkhidmatan Masyarakat ini yang telah banyak berjasa kepada negara dan kepada orang ramai supaya mereka ini, jika sekiranya mereka ini masih lagi boleh meneruskan tugas yang belum patut dipencenkan, beri mereka peluang untuk diserapkan dalam Kementerian lain. Jangan dipencenkan dulu. Kalau dipencenkan pun, biarlah mereka ini mendapat habuan dan pampasan yang sesuai dan setimpal dengan khidmat mereka di dalam Loteri Perkhidmatan Masyarakat.

Walau bagaimanapun, saya ingin hendak menyentuh, ini satu daripada dasar Kerajaan yang ingin hendak membawa negara kita ini kepada penerapan nilai-nilai Islam. Maka saya tidak mahu dengar lagi ada pihak-pihak terutamanya parti PAS menuduh bahawa banyak yang dilakukan oleh Kerajaan dari segi sumber-sumber untuk mencari kewangan Kerajaan ada bercampur aduk dengan benda-benda haram. Maka dengan adanya pemansuhan dan pembubaran loteri ini maka saya minta tidak ada lagi kedengaran tuduhan mengatakan bahawa ada sumber-sumber kewangan yang datangnya daripada loteri dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingatkan dan saya minta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya menentukan semua kakitangan dan pegawai kebajikan masyarakat khususnya yang berkhidmat di dalam Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan ini supaya ditentukan masa depan mereka. Kalau boleh diserapkan dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ataupun di Kementerian-kementerian lain supaya mereka ini tidak terbuang dengan begitu sahaja.

Maka dengan itu saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan untuk memberikan jawapan.

6.14 ptg.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Habidah Jusoh, Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth, Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman kerana menyokong Rang undang-undang ini. Saya cuma hendak menjawab satu dua perkara.

Yang pertama kepada Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Dato' Mohd. Seth. Di dalam 40 lahun operasi loteri awam ini dijalankan, kita telahpun mengutip lebih dari \$838 juta. Kesemua wang ini digunakan untuk membiayai projek-projek sosial dan kebajikan dan masih ada baki termasuk harta tetap lebih \$2.3 juta dan harta semasa masih ada \$9.7 juta. Ini juga saya fikir akan dipakai untuk membiayai projek-projek sosial dan kebajikan.

Kepada Yang Berhormat Tuan Azman Atar, saya fikir Kerajaan sedang berusaha menerapkan semua kakitangan tetap di dalam perkhidmatan awam. Saya akan meneliti perkara ini.

Hanya inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasa 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah merupakan salah satu faktor ekonomi yang amat penting dalam pembangunan negara. Setiap pembangunan yang bercorak fizikal memerlukan tanah sama ada untuk tujuan pembangunan infrastruktur, perumahan, tapak perindustrian dan perdagangan, pertanian dan lain-lain. Tanpa tanah tidak mungkin kita dapat melaksanakan projek-projek pembangunan yang sedemikian rupa untuk faedah dan kepentingan rakyat.

Sebahagian besar dari tanah-tanah yang terdapat dalam negara ini telah liberi milik dan dimajukan sama ada oleh pihak Kerajaan ataupun pihak persendirian dengan berbagai aktiviti ekonomi. Jumlah tanah Kerajaan yang terdapat sekarang ini yang sesuai untuk pembangunan semakin berkurang dan terhad jumlahnya. Justeru itu, bagi meneruskan pembangunan negara, kerajaan terpaksa mengambil balik anah-tanah tertentu yang telah likurniakan dahulunya daripada pemilik asal. Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai pihak yang berkuasa ke atas tanah berhak berbuat demikian selagi ianya tidak bertentangan dengan peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan Persekutuan. Dengan ini Akta Pengambilan Tanah telah diwujudkan dalam tahun 1960.

Sejak Akta Pengambilan Tanah 1960 dikuatkuasakan 31 tahun yang lalu, ianya telah memberi sumbangan yang positif dan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Rata-rata rakyat telah menerima Akta ini kerana ianya secara langsung dan tidak langsung mendatangkan faedah yang besar kepada mereka. Dalam melaksanakan Akta ini, Kerajaan telahpun bertindak dengan adil dan bertanggungjawab apabila tanah-tanah tertentu diambil balik untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan di bawah undang-undang ini seperti projek pembinaan sekolah, jalanraya, hospital dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita dapati tindakan Kerajaan mengambil balik tanah tersebut jarang sekali dicabar di mahkamah kecuali perkara berkaitan dengan jumlah pampasan.

Pada masa ini negara kita sedang memasuki era pembangunan yang baru. Baru-baru ini Kerajaan telahpun meluluskan Rancangan Rangka Jangka Panjang Kedua dan Rancangan Malaysia Keenam, iaitu merupakan dua rancangan penting yang menentukan hala cara pembangunan negara ke arah

pencapaian Wawasan 2020. Matlamat Wawasan tersebut adalah untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian yang maju setaraf dengan negara-negara maju yang lain menjelang tahun 2020. Untuk mencapai matlamat ini serta menghadapi cabaran-cabaran pembangunan negara yang kian bertambah kompleks, tindakan-tindakan yang dinamik adalah perlu. Dalam hal ini Kerajaan perlu diberikan kuasa-kuasa yang boleh membenarkan tindakan diambil terhadap sesuatu perkara sekiranya ia akan dapat membantu Kerajaan mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara demi kepentingan rakyat melalui dasar-dasar tertentu yang ditetapkan.

Maka dalam keadaan inilah Kerajaan mencadangkan pindaan-pindaan dibuat ke atas Akta Pengambilan Tanah 1960 supaya ianya menjadi lebih development-oriented, dengan izin. Kerajaan mendapati peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 itu sekarang tidak dapat memenuhi hasrat Kerajaan dalam usahanya untuk memesatkan lagi pembangunan ekonomi negara dan pelaksanaan dasar-dasar yang telah ditetapkan khususnya berkaitan dengan dasar penswastan. Dengan adanya pindaan ini maka sebarang halangan dan kesamaran dalam undang-undang yang terdapat sekarang dapat diatasi dan dengan ini Kerajaan boleh bertindak secara yang sah dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberikan sedikit latar-belakang sehingga membawa kepada pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang dibentangkan ini. Perlembagaan Persekutuan telahpun dipinda melalui Akta A704 yang diwartakan pada 9hb Jun, 1988. Di antara pindaan-pindaan yang terlibat ialah pemansuhan Perkara 84 dan pindaan kepada Perkara 86. Dengan pindaan-pindaan itu, tanah-tanah yang diletakhak kepada Kerajaan

Persekutuan atau Pihak Berkuasa Awam boleh dilupuskan kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai ataupun perlu. Ini bermakna bahawa mana-mana tanah yang diambil balik dan seterusnya diletakkan kepada Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam boleh dilupuskan kepada pihak swasta untuk dimajukan. Selaras dengan perkembangan ini dan juga dengan dasar untuk mempergiatkan pembangunan ekonomi negara serta memudahkan Dasar Penswastaan Kerajaan, cadangan untuk meminda seksyen 3(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 dan memasukkan seksyen baru 68 dalam Akta tersebut dicadangkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan rasional kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta ini seperti berikut:

- (1) Cadangan meminda seksyen 3(b) dengan menggantikannya kepada seksyen 3(b) yang baru adalah bertujuan untuk memberi skop yang lebih luas iaitu memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil sesuatu tanah yang dikehendaki oleh mana-mana orang, syarikat atau perbadanan untuk apa jua kegunaan yang pada pandangan pihak Berkuasa Negeri akan memberi faedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau kepada orang awam amnya atau mana-mana kumpulan awam;
- (2) Cadangan untuk memasukkan seksyen 68A yang baru tersebut adalah bagi memastikan supaya sesuatu pengambilan tanah tidak akan dicabar di mahkamah di atas alasan yang berkaitan dengan pelupusan atau penggunaan atau pengurusan niagaan tanah itu selepas ianya diambil balik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini bukan bermakna Kerajaan ingin mengadakan satu reformasi tanah dengan diberikan kuasa untuk merampas tanah orangramai dengan sewenang-wenangnya. Dalam hubungan ini, kepentingan dan hak orangramai sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan akan terus dijamin. Tanah-tanah yang diambil balik akan dibayar pampasan yang secukupnya berdasarkan harga pasaran. Dan jika sekiranya tuan tanah tidak berpuas hati dengan jumlah wang pampasan tersebut, mereka bolehlah mengemukakannya ke mahkamah.

Tuan Yang di-Penua, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, saya suka menegaskan tentang jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional bahawa cadangan pindaan ini sekiranya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk faedah dan kepentingan rakyat serta negara.

Tuan Yang di-Petua, dengan kata-kata tersebut, maka saya memohon dengan hormatnya mencadangkannya;

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ng Peng Hay.

6.32 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyokong Rang Undang-Undang Pengambilan Tanah (Pindaan) ataupun dengan menyokong satu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini telah menjadikan satu isu kontroversi yang mana semua lapisan masyarakat mengambil berat tentang pindaan ini dan ramai tuan-tuan tanah mengkhawatiri kesan buruk kepada mereka. Walau bagaimanapun, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana dengan pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini untuk kepentingan pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin menarik perhatian bahawa selepas Akta Pengambilan Tanah dipinda pada petang ini, kerana saya dengan keyakinan yang penuh bahawa semua rakan-rakan seperjuangan saya dalam Dewan yang mulia ini akan memberi sokongan yang penuh atas pindaan ini dan apabila Akta ini dipinda bahawa kami berharap Pihak Berkuasa Negeri, kerana mereka akan diberi kuasa yang lebih luas dalam pengambilan tanah mana-mana tanah yang diperlukan bahawa perlu mencatat di Dewan yang mulia ini di mana tanah-tanah yang mempunyai nilai sejarah, tanah-tanah yang mempunyai kesan sejarah, yang mempunyai warisan sejarah, nilai kebudayaan, tanah-tanah perkuburan seperti Bukit Cina di Melaka, dan sekolah-sekolah tempat keagamaan, rumah-rumah ibadat dikecualikan daripada pindaan Akta Pengambilan Tanah ini. Saya sebut demikian kerana ramai masyarakat orang Tionghua telah khuatir kemungkinan apabila kami semua sokong pindaan ini, kemungkinan pada satu hari kemudian ia akan menjadi satu isu yang mana Kerajaan akan mengambil tanah-tanah yang saya sebut tadi, Walaupun kita mempunyai keyakinan penuh bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengambil tindakan yang dikhuatiri telah disebutkan tadi, tetapi saya berharap Dewan yang mulia ini dapat mencatatkan apa yang saya sebut tadi bahawa apa yang saya sebut tadi dikecualikan daripada pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan penyelewengan oleh Pihak-pihak Berkuasa Negeri dalam pengambilan tanah-tanah yang diperlukan maka saya berharap Jemaah Menteri, dengan izin, Kabinet menyelia, mengawas Kerajaan-kerajaan Negeri dalam tindakan pengambilan tanah orang awam. Dan saya berharap bahawa tindakan pengambilan tanah yang akan diambil itu adalah benar-benar untuk kegunaan orang ramai dan ataupun untuk kegunaan kemudahan awam seperti pembinaan sekolah, klinik dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tanah-tanah yang akan diambil itu adalah bertujuan untuk membangunkan sesuatu kawasan dengan cadangan pembinaan bangunan komersial ataupun untuk cadangan pembinaan projek perumahan. Saya sebutkan demikian kerana saya difahamkan dan mengikut pengalaman saya ada Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil tanah-tanah swasta untuk projek perumahan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Kalau sekiranya tanah-tanah diambil untuk tujuan pembinaan projek-projek perumahan, saya suka bercadang kepada Dewan yang mulia ini bahawa tuan-tuan tanah yang berkenaan diberi keutamaan untuk menyertai sama ada dalam bentuk saham atau hakmilik. Walaupun kita lelah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Tanah bahawa Kerajaan akan memberi pampasan, tetapi saya suka dengan menggunakan kesempatan pada petang ini mengingatkan Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Negeri bahawa pampasan harus dibayar dengan mengikut nilai pasaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua, ramai tuan-tuan tanah apabila tanah mereka diambil, mereka lebih berminat meminta Kerajaan menggantikan tanah Kerajaan daripada mendapatkan

pampasan wang tunai. Oleh yang demikian, saya berharap sekiranya di negeri-negeri yang besar yang mana tanah-tanah swasta diambil, kalau sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai tanah-tanah Kerajaan maka Kerajaan Negeri harus mempertimbangkan, digantikan dengan tanah-tanah Kerajaan kepada tuan-tuan tanah yang mana tanah-tanah mereka diambil oleh Kerajaan untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan di tiap-tiap negeri akan memainkan peranan memastikan penyelewengan tidak berlaku semasa meluaskan kuasa untuk pengambilan tanah swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah mendapatkan pertanyaan daripada beberapa orang pelabur asing tentang pindaan Akta Pengambilan Tanah ini, kerana ada setengah-setengah akhbar di luar negeri telah menyebarkan, menyiarkan bahawa Parlimen Malaysia sedang meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dan mengikut setengah-setengah laporan itu telah menyatakan bahawa Parlimen Malaysia akan memberi kuasa yang lebih besar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengambil tanah-tanah swasta. Oleh yang demikian, setengah-setengah pelabur asing telah membuat pertanyaan bahawa mereka mengkhawatiri kemungkinan mengadakan kesan buruk lepas pindaan Akta ini dan kemungkinan tanah-tanah perindustrian yang dimiliki oleh pelabur-pelabur asing ini akan diambil oleh Kerajaan untuk kemajuan. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan dapat menjelaskan kebimbangan pelabur-pelabur asing ini kerana mengikut laporan-laporan yang mengelirukan mereka ini Kerajaan kita harus mengadakan penjelasan kebimbangan pelabur-pelabur asing ini supaya meningkatkan keyakinan mereka dan agar tidak menjejaskan usaha Kerajaan

kita untuk menarik lebih ramai lagi pelabur asing ke negara kita.

Dengan ini saya sekali lagi mengingatkan supaya Pihak-pihak Berkuasa Negeri, walaupun Dewan yang mulia ini akan meluluskan pindaan akta ini dengan memberikan satu kuasa yang lebih besar kepada Pihak-pihak Berkuasa Negeri, tetapi kami semua berharap supaya Pihak-pihak Berkuasa Negeri akan baik-baik menggunakan kuasa yang diberikan dan jangan mengadakan penyelewengan kuasa yang diberikan untuk mengambil tanah-tanah swasta.

Dengan ini, sekali lagi saya menyokong pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shuib Endut.

6.40 ptg.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebelum ini Rang Undang-undang Pengambilan Tanah telah dipolitikkan oleh parti-parti Pembangkang di dalam kempen-kempen pilihanraya kecil di Prai baru-baru ini. Mereka mendakwa kononnya dengan pindaan Rang Undang-undang ini hakmilik rakyat ke atas tanah akan terhakis, rakyat akan kehilangan tanah-tanah mereka. Apakah dakwaan-dakwaannya ini benar? Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mencari jalan memperbaiki ataupun meminda undang-undang yang sedia ada demi kebaikan rakyat dan masa depan negara, rakyat tidak perlu bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, di mana sahaja Kerajaan menyediakan projek-projek pembangunan kepada rakyat, Kerajaan sentiasa menghadapi masalah pengambilan tanah dari tuan-tuan tanah dan juga dari Kerajaan-Kerajaan Negeri. Kerajaan merasakan adalah perlu Kanun Tanah Negara disegarmakan di semua negeri. Dengan ini Kerajaan juga merasakan adalah perlu Rang Undang-undang Pengambilan Tanah dipinda dengan memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat mengambil tanah-tanah untuk dibangunkan.

Pihak Kerajaan juga sentiasa menghadapi masalah, kareh tuan-tuan tanah yang enggan membenarkan tanah-tanah mereka dijadikan jalan pintas untuk membawa elektrik dan air ke kawasan lain. Kareh ini menyebabkan kerja-kerja penyediaan kemudahan asas tersebut sering tergendala dan mengalami kelewatan. Dengan adanya pindaan ini, Kerajaan berkuasa mengambil tanah tersebut membayar ganti rugi ataupun pampasan kepada tuan tanah. Usaha Kerajaan ini semata-mata untuk mengatasi halangan-halangan yang sedia ada demi kebaikan rakyat jelata.

Akhir-akhir ini Kerajaan juga menghadapi masalah keengganan Kerajaan Kelantan meluluskan tanah untuk projek pembinaan pusat-pusat latihan belia di daerah Pasir Mas, Kelantan. Akibat dari keengganan tersebut hasrat Kerajaan untuk meneruskan pembangunan di negeri Kelantan turut terbantut.

Rakyat Kelantan akan terus tertinggal dari pembangunan. Namun begitu pujian harus diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah bersetuju pada dasarnya mengenai pindaan ini melalui mesyuarat-mesyuarat di dalam Majlis Tanah Negara. Begitu juga dengan masalah-masalah tanah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kampung-

kampung baru dengan keluasan tanah yang semakin kecil dan pertambahan penduduk semakin meningkat di kampung-kampung baru adalah amat sukar bagi Kerajaan membantu penduduk-penduduk kampung baru sekiranya tuan-tuan tanah di kawasan tersebut enggan membenarkan tanah mereka diambil.

Kerajaan memang sedar dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru yang berjumlah 452 buah ilu. Oleh itu Kerajaan berharap dengan adanya pindaan ini bolehlah Kerajaan mengambilalih tanah-tanah swasta ataupun persendirian untuk dimajukan ataupun dibangunkan sebagai kawasan-kawasan penempatan baru.

Pindaan ini sepatutnya disokong oleh parti DAP yang mendakwa sebagai pembela penduduk-penduduk di kampung baru, tetapi sebaliknya merekalah yang menentang pindaan ini. Ini bermakna parti DAP lebih suka melihat penduduk-penduduk di kampung baru terus tertinggal dari arus pembangunan.

(Tuan Ng Pay Hay
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional bukanlah Kerajaan penyamun seperti dakwaan DAP, malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sendiri lelah membual penafian. Sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir adalah sebuah Kerajaan yang adil, bertanggungjawab dan sentiasa membela nasib rakyat.

Setiap tanah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk dibangunkan, dimajukan adalah dibayar gantirugi ataupun pampasan pada tuan-tuan tanah. Baru-baru ini Kerajaan telah membayar hampir \$40,000 kepada

setiap keluarga di Kuala Kedah, Kedah Darulaman kerana rumah mereka terlibat dengan projek jambatan Kuala Kedah, sedangkan tanah-tanah tersebut adalah rizab ataupun simpanan Kerajaan. Kerajaan boleh kalau tidak mahu membayar pampasan tersebut, tetapi oleh kerana Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang adil dan bertanggungjawab, Kerajaan harus membantD mreka untuk mencari tapak dan membina rumah yang baru.

Kerajaan juga perlu meminda Rang Undang-undang Pengambilan Tanah ini setelah terhidu tindakan-tindakan parti Pembangkang yang telah mempolitikkan tindakan Kerajaan mengambil tanah di sekitar kawasan Selat Teberau untuk dijadikan tapak laluan lebuhraya kedua yang menghubungkan di antara Johor dan Singapura. Mereka telah menghasut penduduk-penduduk di kawasan tersebut jangan membenarkan Kerajaan mengambil tanah di situ. Sepatutnya parti yang bertanggungjawab dan ingin melihat penduduk di sekitarnya maju sudah tentu mereka menyokong projek tersebut.

Bagi pihak Kerajaan dengan adanya laluan kedua ini ianya akan dapat membawa kemajuan yang lebih pesat ke Malaysia sekaligus mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Semakin ekonomi kiiia menjadi mantap, maka banyaklah projek-projek pembangunan yang dapat disediakan kepada rakyat.

Dengan ini saya menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Ng Pay Hay: Yang Berhormat Puan Hajah Habidah Jusoh.

6.47ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan kepada saya untuk

mengambil peluang di dalam menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960, di mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1991 yang telah dibentangkan sebentar tadi dan tahniah kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Memandangkan hampir 31 tahun yang lepas Rang Undang-undang Pengambilan Tanah 1960 ini digubal, maka amatlah perlu Rang Undang-undang ini dipinda untuk kebaikan bersama kerana dengan adanya pindaan ini Kerajaan diberi kuasa mendapatkan tanah untuk tujuan pembangunan yang berterusan, yang merupakan aset yang kian susut dan kita sedia maklum segala pembangunan yang dibuat bukan untuk kepentingan Kerajaan bahkan untuk kepentingan dan kebaikan rakyat jelata kerana dasar Kerajaan kita ialah "Tradisi Membela Rakyat".

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini kerana jika Kerajaan gagal melaksanakan rancangan pembangunan kerana kekurangan tanah, rakyat juga yang akan mengalami kerugian disebabkan rakyat akan menderita jika Kerajaan tidak dapat mendirikan rumah, sekolah, jalan raya, hospital dan lain-lain kemudahan disebabkan tidak ada tanah, dan segala-galanya ini adalah keperluan kepada kita sebagai manusia untuk menjadi insan yang kamil.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Akta Pengambilan Tanah 1960 ini tidak dipinda, maka untuk mengadakan apa-apa rancangan untuk kebaikan sebagainya yang saya katakan tadi tidak akan tercapai dengan jayanya kerana banyak contoh-contoh telah berlaku di mana banyak projek-projek yang perlu tidak dapat dilaksanakan. Umpamanya, membina dan membesarkan jalan raya, jambatan, sekolah, saluran paip dan sebagainya akan memakan masa yang

begitu lama hingga bertahun-tahun baru boleh dibuat kerana terpaksa melalui perbicaraan naik turun ke mahkamah untuk mendapatkan sesuatu tanah disebabkan tuan tanah tidak mahu membenarkannya dan kadangkadang terpaksa dibatalkan. Dan ini melambat dan meleceh-lecehkan kerja pembangunan yang patut dilakukan pada hal projek-projek itu perlu disegerakan, maka pindaan ini amatlah wajar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasa 2 yang bertujuan meminda seksyen 3 Akta ini dengan mengganti perenggan (b), dengan peruntukan yang lebih luas yang akan memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri mengambil mana-mana tanah yang diperlukan oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah berfaedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau kepada orang awam atau mana-mana golongan orang awam. Maka dengan adanya Fasal ini, seolah-olah memberi kuasa penuh kepada Kerajaan dengan nasihat Pegawai-pegawai, maka diharap janganlah dibuat dengan sewenang-wenangnya, kerana tujuannya ialah hendak menyenangkan rakyat, bukan hendak menyusahkannya, katakanlah seperti projek hendak memperbaiki jalanraya atau untuk membetulkannya kerana jalan itu terlampau bahaya.

Sebagai contohnya, untuk memperbaiki jalanraya di Bukit Kijal, Kemaman, Terengganu, satu ketika dahulu, semasa perancangan awal jalan hendak dibuat, terpaksa merintang tanah-tanah dan kebun-kebun penduduk di situ, setelah mendapat bantahan daripada orang ramai, boleh pula dibuat di tanah yang lain yang tidak melibatkan kebun ataupun tanah tersebut dan sekarang kita lihat semua pihak berpuas hati, sama ada orang ramai, pegawai dan juga Kerajaan. Pengajaran dari situlah menunjukkan

bahawa untuk membuat sesuatu perancangan ataupun projek itu hendaklah secara berhati-hati. Janganlah sebab dengan adanya pindaan ini, maka dibuat secara melulu kerana kalau ada tanah-tanah yang hendak diambil dan kalau itu boleh dielakkan ke tempat yang tidak menyusahkan orang ramai, maka elakkanlah. Maka di sinilah berkehendakkan keikhlasan dan kejujuran pegawai-pegawai yang menjalankan tugas demi untuk kepentingan semua.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tanah terbiar pula dicadangkan, kalau sekiranya Kerajaan ada projek-projek yang baik untuk dibuat di situ maka disyorkan eloklah Kerajaan mengambil balik tanah tersebut supaya tanah itu tidak akan membazir dan terbiar, Tetapi janganlah pula setelah kajian dibuat bahawa tanah sekian, sekian perlu diambil balik oleh Kerajaan, dan sesudah diambil dibiarkan pula oleh pihak yang berwajib, sehingga hampir 10 tahun tidak dimajukan, kerana ini menimbulkan sungutan daripada orang ramai dan tuan tanah merasa tidak puas hati di atas pengambilan balik tanahnya kerana kalau tanahnya itu tidak diambil balik, dia sendiri boleh mengusahakannya. Sebagai contoh, tanah orang-orang kampung diambil balik oleh Kerajaan untuk menambahkan bilangan sekolah, tetapi bangunan sekolah tambahan tidak didirikan hingga beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pampasan yang akan diberi oleh Kerajaan kepada tuan tanah pula, dicadangkan supaya diberi pampasan yang berpatutan. Janganlah hanya berdasarkan harga pasaran sahaja kerana kesulitan dan kesusahan tuan tanah untuk mencari tanah lain hendaklah juga diambil kira dan hendaklah memberi keutamaan kepada tuan tanah yang telah diambil tanahnya, sekiranya dia membuat mana-mana permohonan tanah yang baru.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian. Terima kasih.

Tuan Ng Peng Hay: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Mohamad Wajdi.

6.54 ptg.

Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong dan seterusnya membahas suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang buatan manusia tidak pernah sempurna. Ianya perlu diubahsuai dengan keadaan dan keperluan pembangunan mengikut masa dan keadaan di dalam sesebuah negara. Kanun Tanah Negara di negara kita telah diwujudkan oleh penjajah Inggeris dalam tahun 1926 dan kalau tidak silap saya ianya telah dipinda hampir 15 kali selepas merdeka. Pindaan-pindaan itu perlu dipersesuaikan dengan kehendak semasa supaya ianya dapat dikemaskini dan tidak menjejaskan Perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan yang utama dalam Kanun Tanah Negara tidak membolehkan pihak berkuasa Negeri ataupun Kerajaan Negeri mengambil balik tanah yang telah diberi hak dan di bawah seksyen 46 Kanun Tanah Negara hanya membenarkan pengambilan tanah hakmilik itu dibuat terkecuali: yang pertama, tamat tempoh syaratnya; yang kedua, tidak membayar cukai; ketiga, melanggar syarat penggunaan; keempat, tidak ada waris yang menuntut; dan kelima, tanah itu terbiar terbengkalai tiada tuannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengemaskinikan Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah telah dikuatkuasakan di dalam tahun 1960 yang bertujuan pengambilan tanah hakmilik boleh dibuat untuk projek-projek pembangunan. Di bawah pindaan tersebut, seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah membenarkan pihak berkuasa Kerajaan Negeri mengambil mana-mana tanah yang diperlukan untuk tujuan-tujuan seperti mana yang telah dinyatakan, seumpamanya, untuk projek-projek awam, untuk kepentingan mana-mana orang-orang ataupun perbadanan bagi menjalankan kerja-kerja yang pada pendapat Kerajaan Negeri untuk kemudahan awam, untuk perlombongan, tempat kediaman ataupun perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah langsung tidak menyebut pengambilan tanah untuk tujuan komersial. Dengan pindaan yang dibuat, dimana ianya akan lebih memantapkan seksyen 3 itu yang berbunyi pihak Berkuasa Kerajaan Negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan oleh mana-mana orang atau Perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat pihak Berkuasa Kerajaan Negeri adalah berfaedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian atau orang awam keseluruhannya atau mana-mana golongan orang awam. Dengan kata lain, Kerajaan boleh mengambil tanah untuk dimajukan untuk tujuan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana sekalipun, kita rujuk kembali kepada definisi kemudahan awam yang biasanya, sebagaimana yang telah dikatakan, bermaksud sekolah, hospital, masjid, jalanraya dan sebagainya, dan bagaimana pula dengan projek-projek yang bermaksud kepada pembangunan negara dan pembangunan ekonomi yang lebih memberi peluang kepada wujudnya peluang-peluang

pekerjaan dan pendapatan Kerajaan melalui cukai-cukai.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta ini memang kena pada tempat dan masanya untuk pembangunan negeri dan perkembangan ekonomi di mana di bawah pindaan ini akan membolehkan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri bertindak untuk kepentingan negara secara keseluruhan. Walaupun tujuan dan maksud pindaannya terkadang-kadang boleh disalahertikan dan boleh digunakan oleh mereka yang mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu atau di sebaliknya, maka suka saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Negeri boleh meletakkan asas bagi menjamin pelaksanaan Akta ini tidak akan mempunyai motif-motif yang tertentu dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Penyelaras di peringkat Pusat dan Negeri bagi menjamin ketidaksalahgunaan Akta ini. Semua pengambilan tanah-milik, walau apa maksud sekalipun, mestilah mendapat kelulusan utama dari Jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan di peringkat Pusat juga mestilah mengawasi tindak-tanduk Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri melalui satu undang-undang yang boleh diperuntukkan di bawahnya, kerana walaupun kita sedia maklum masalah tanah adalah kuasa Kerajaan Negeri, tanpa peruntukan undang-undang ini, pengawalan dan keadilan tidak akan dapat dilaksanakan semasa Pihak Berkuasa Negeri melaksanakan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada ini saya amat berasa bimbang dan takut jikalau Akta ini disalahgunakan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau melalui mana-mana Perbadanan yang dibenarkan di bawah

Kerajaan Negeri ataupun Pusat. Pernah berlaku secara tidak langsung di negeri Perak, pengambilan tanah oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan pemilik-pemilik tanah untuk tujuan industri pelancong yang sedang berkembang maju dan mempunyai potensi yang membanggakan. Setelah pengambilan itu, tanah-tanah tersebut telah diserahkan kepada syarikat swasta untuk dimajukan secara usahasama, akhirnya apa yang telah saya diTahamkan, tanah yang tersebut itu diserahkan kepada quoted company, dengan izin, dengan memperolehi keuntungan-keuntungan yang tertentu dan sehingga kini apa, yang saya difahamkan, ia masih belum dibangunkan lagi.

Cara ini sudah semestinya secara tidak langsung menyalahgunakan Akta yang ada. Ini satu contoh. Mungkin ada dua, tiga kawasan lain yang mempunyai motif yang sama yang sebagaimana yang telah saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi tanah-tanah yang mempunyai nilai potensi ekonomi yang cerah akan selalu menjadi keutamaan dan sasaran kepada pihak-pihak yang tertentu, terutamanya pihak swasta yang selalu menggunakan pihak perbadanan-perbadanan. Biarlah hendaknya pengambilan tanah-tanah milik itu benar-benar uniuk kepentingan ekonomi dan pembangunan negara dan tidak dilihat samata-mata dari sudut keuntungan pihak swasta ataupun mana-mana perbadanan ataupun agensi Kerajaan sahaja. Dengan kata lain, pengambilan tanah melalui anak syarikat perbadanan atau Perbadanan Kerajaan Negeri walau untuk apa tujuan sekalipun mestilah dikawal oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian-kementerian yang berkaitan. Kita tidak mahu melihat dalam masa kita mengejar ke arah pembangunan negara dan kemajuan ekonomi, pihak perbadanan dijadikan

alat oleh pihak-pihak swasta untuk mengambil tanah milik yang mempunyai nilai-nilai ekonomi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan tanah sudah pastilah akan dibayar dengan nilai pampasan yang tertentu. Sehubungan dengan ini, suka saya mengutarakan penilaian dibuat atau yang akan dibuat sama ada ianya berdasarkan nilai mengikut geran tanah seumpama tanah pertanian, perumahan, dusun dan sebagainya ataupun mengikut tanah, wajar dinilai dari segi ekononii.

Seumpama kawasan tepi pantai yang mempunyai potensi untuk pelancongan ataupun jika kawasan tersebut mengandungi kandungan tanah atau galian. Kebiasaannya tanah yang serupa itu akan dinilai oleh pihak Kerajaan berdasarkan kepada jenis geran dan tidak kepada nilai pasaran dan inilah perkara yang selalu terjadi. Perkara-perkara ini walau bagaimana sekalipun, sudah seharusnya diberikan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan semasa melaksanakan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perhatian yang serius harus diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri semasa menguatkuasakan Akta ini supaya ianya tidak menjadi masalah sosial di kemudian hari. Pihak Kerajaan Pusat dan Negeri mestilah bersama-sama membuat perancangan yang teratur dan sempurna jika sekiranya penguatkuasaan Akta ini melibatkan golongan petani dan nelayan di mana tanah milik mereka diambil dan mereka dipindahkan ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan satu contoh di mana perancangan yang tidak teratur dan sempurna telah dibuat oleh pihak Kerajaan kepada penduduk dan pemilik tanah di kawasan pantai di Teluk Muruk, Lumut. Tanah milik itu diambil

untuk kepentingan negara dan keselamatan seluruh rakyat Malaysia. Pemilik tanah tersebut telah berkorban untuk kepentingan negara dan sudah semestinya pengorbanan mereka itu diberikan balasan yang setimpal. Akibat pengwujudan dan penempatan Pengkalan TLDM di Lumut, mereka ditempatkan di Kampung Dato' Seri Kamaruddin, Lumut dengan berbekalkan tanah tapak rumah dan rumah yang kurang memuaskan. Walaupun pampasan dan saguhati dibayar tetapi tanah dan rumah yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan terpaksa juga mereka membayar secara ansuran. Yang lebih malang lagi penempatan mereka itu menyebabkan terputusnya mata pencarian mereka sebagai nelayan dan petani kerana kawasan penempatan itu jauh dari laut dan tidak ada kawasan untuk bertani.

Justeru iuu, bagaimana mereka mahu mencari nafkah menanggung anak-isteri" dan seterusnya membayar ansuran tanah dan rumah yang mereka diami. Inilah masalah yang harus Kerajaan selesaikan dan untuk itu saya merayu dan memohon jasa baik Kerajaan Pusat supaya sedikit sebanyak memberikan perhatian dan tindakan terhadap pemilik-pemilik tanah yang telah memberikan pengorbanan untuk kepentingan negara. Mereka yang ditempatkan di Kampung Dato' Seri Kamaruddin, Lumut ini betul-betul berada dalam keadaan dilemma di antara berkorban dan dikorban dan apalah lagi akhir-akhir ini, mereka telah diberikan notis keluar dan mengosongkan rumah kerana tidak berupaya menjelaskan bayaran ansuran rumah.

Semoga pengalaman-pengalaman ini dapat sama-sama kita jadikan pengajaran kepada kita di masa kini dan akan datang bagi memastikan bahawa Kerajaan yang kita dukung adalah sentiasa terus bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Pengambilan Tanah yang dibentangkan di Dewan ini tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk membolehkan pihak Kerajaan membangunkan mana-mana tanah hakmilik khususnya di bandar-bandar supaya ianya boleh memanfaatkan bukan sahaja tuan tanah tetapi juga ekonomi negara dan secara tidak langsung menyedarkan semua pemilik-pemilik tanah bahawa mereka tidak boleh selama-lamanya melihat tanah itu sebagai satu warisan yang bernilai sentimental dan tidak dilihat dari sudut nilai ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

7.05 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun meminta izin mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 yang dibawa oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dikemukakan meminta Dewan yang mulia ini meluluskannya dengan maksud yang sangat baik. Sebagaimana yang kita maklum bahawa dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam dan juga RRJP2 kita terpaksa mengambil tanah-tanah untuk memberikan kemudahan kepada Kerajaan melaksanakan tugas membangunkan negara ini bagi melaksanakan cita-cita Wawasan 2020 yang akan memberikan kemajuan kepada negara kita.

Dengan meluluskan Rang Undang-undang ini, tidak ada lagi halangan yang memperlambatkan segala kehendak-kehendak Kerajaan memba-

ngunkan negara ini. Pengalaman kita pada masa yang lalu sebelum Akta ini diluluskan, rakyat memang berkorban memberikan tanah. Cuma segolongan kecil orang-orang kaya yang mempunyai tanah, yang mempunyai kekayaan yang hebat yang selalu menentang dan membuat halangan dan membawanya ke mahkamah sehingga segala rancangan kemajuan kita tergendala. Jadi, dengan lulusnya Akta hari ini, saya rasa segala kegendalaan itu akan dapat diselesaikan.

Dalam masalah pengambilan tanah ini, untuk melaksanakan projek pembangunan sekolah, jalan raya, kemudahan-kemudahan membuat hospital dan lain-lain, saya tidak begitu khuatir. Itu memang untuk kepentingan rakyat tetapi apabila mengambil tanah untuk memberikan kepada swasta, saya bersetuju dengan Saudara saya dari Perak tadi supaya Kerajaan Persekutuan sentiasa mengawasi jangan apabila kita memberikan tanah kepada satu company, kemudian company itu tidak dapat melaksanakan sedangkan tanah rakyat telah dikorbankan, kemudian kegendalaan berlaku.

Projek terbengkalai seperti yang diucapkan oleh sahabat-sahabat saya, ada yang 10 tahun. Kemudian apabila terbengkalai, kita dapat melihat dalam suratkhobar-suratkhobar, company itu telah jatuh bankrupsi. Bila kata bankrupsi, tetapi kita tengok tuan yang bankrupsi itu memakai Mercedes yang begitu besar, BMW, kahwin lebih daripada satu, selepas itu projek itu dijual kepada orang lain, kemudian orang lain tidak juga membuat kerana hendak menjual kepada orang lain lagi sehingga dia mencari ke Italy, ke Amerika untuk melaksanakan projek.

Ini yang sangat memalukan dan rakyat yang berkorban menjadi terkorban. Begitu juga dalam pelaksanaan pengambilan tanah tadi,

saya sedikit berselisih dengan sahabat saya, Yang Berhormat Ng Peng Hay dari Melaka yang hendak mempertahankan kubur-kubur. Di Melaka sayalah kepalanya kelmarin yang merobohkan kubur-kubur. Segala Keramat Macap, Keramat Pulau Besar dan segala jenis keramat telah dirobuhkan oleh Kerajaan untuk kepentingan pembangunan. Saya melihat di Singapura, saudara saya kelmarin tinggal di hadapan kubur-kubur Cina yang begitu besar. Semua kubur-kubur itu telah dihancurkan, makam Syed-syed yang berdaulat—saya minta maaf—semua telah dirobuhkan demi kepentingan meluruskan jalan, membuat pembangunan perumahan, kedai-kedai, hospital dan juga kemudahan pada rakyat—tidak ada halangan, kubur ini dirobuhkan.

Apatah lagi macam kubur Bukit Cina yang hendak dipertahankan. Kubur Bukit Cina ini adalah sebuah gunung di tengah-tengah bandar Melaka yang menghalang segala pembangunan yang menjadikan isu politik. Kita orang-orang Barisan Nasional janganlah terpengaruh dengan DAP. DAP hanya menjadikan isu Bukit Cina itu supaya dihalang kemajuan untuk menentang pembangunan kita.

Memanglah parti Pembangkang ini kita jangan terpengaruh. Saya harap kawan-kawan kita dalam Barisan Nasional jangan terpengaruh dengan parti Pembangkang. Parti Pembangkang, saya baca suralkhabarnya pagi tadi, Rokat dan Harakah. Harakah mengalakan kita melaksanakan Akta Pengambilan Tanah ini adalah zalim, neraka jahanam, akan didakwa di akhirat kelak, yang pertama sekali Timbalan Menteri Tanahlah yang kena dakwa dan saya nombor dua barangkali akan didakwa. Tetapi kita pergi ke Mekah, kita lihat orang Arab sendiri, negeri Arab yang mendasarkan Islam pemerintahannya, kubur isteri Nabi,

Saidina Khadijah telah dihapuskan keseluruhannya untuk buat jalan raya. Untuk menandakan ada sejarah kubur Siti Khadijah, dia letakkan sebatang pokok sahaja. Lain-lain kubur hapus, segala kubur sahabat Nabi tidak ada. Jadi alasan untuk mengatakan kubur tidak boleh diambil untuk membuat pembangunan, kita tidak boleh gunakan lagi, kerana sahabat-sahabat saya yang pergi ke negeri China mengatakan di negeri China tidak ada lagi orang China menanam dalam kubur, melainkan semuanya telah dibakar. Begitu juga Kerajaan Negeri Melaka telah memperuntukkan satu tanah supaya segala orang-orang Cina dan orang-orang India yang mati hendaklah dibakar dengan elektrik.

Kemudian orang-orang DAP memang ilulah kerja dia. Baik atau tidak, kalau kita memandang DAP ini katanya membela rakyat jelata yang miskin. Apabila sahaja kita hendak membela rakyat jelata yang miskin, kita hendak ambil tanah yang seperti ini, kita hendak buat perumahan untuk kepentingan rakyat jelata yang miskin, mereka marah. Apa yang dibelanya terang-terang membela orang kaya. Saya boleh cabar kalau ada DAP di sini, tak ada pula. Kalau saya dapat masuk dalam Dewan Rakyat, saya akan berlawan dengan Lim Kit Siang, saya kenal dia, dahulu di Melaka dia tak boleh berlawan dengan saya dekat Padang Bandar Hilir. Memang dia bela orang kaya. Contohnya, waktu saya menjadi Pengerusi Portfolio Perumahan dan Alam Sekitar, ramai orang-orang kaya yang duduk di flat-flat orang miskin. Bila saya gantikan dengan rakyat jelata yang miskin, DAP membuat demonstrasi menyebelahi orang-orang kaya. Patutkah orang-orang kaya yang mempunyai Mercedes besar-besar dan kaya duduk di rumah kos rendah dan disewakan kepada orang lain. Jadi DAP yang selalu mengadakan pembohongan besar menyebabkan kekalahan di Perai baru-baru ini.

Oleh sebab hendak memberi peluang kepada orang lain dan yang sebetulnya sudah sampai waktu Maghrib, kalau cakap, makin lama makin panas, jadi lebih baiklah semua orang sudah tahu dan memang kita semua menyokong Rang Undang-undang ini. Saya tak hendak ulang panjang mengenai ucapan saya ini, dan saya sangat bersetuju dengan Wakil dari Perak tadi, Yang Berhormat Tuan Mohamad Wajdi, ucapannya sangat cantik tentang kawalan supaya tanah-tanah ini jangan jatuh ke tangan orang-orang kaya yang membuat projek, lepas itu digadaikan kepada orang-orang kaya yang lain, digadai, digadai sehingga tanah itu tidak memberi guna kepada rakyat.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin.

7.13 mlm.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1991 bagi pindaan seksyen 3 Akta 34/60 dan memperkenalkan seksyen baru 68A, saya ingin mengemukakan pandangan hasil daripada pengalaman hidup saya di atas hasrat baik Kerajaan bagi pengambilan tanah untuk faedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau untuk faedah rakyat Malaysia atau untuk faedah awam atau mana-mana golongan orang awam atau sebagai menyelamat di atas tanah itu.

Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah sesuatu yang amat berharga. Setengah orang menganggap tanah tidak ternilai harganya, lebih daripada nyawa, Mungkin kerana asal manusia dijadikan daripada tanah, maka timbullah demikian anggapan.

Tuan Yang di-Pertua, setengah orang menganggap tanahlah yang paling bersih, lebih bersih daripada air. Air tidak dapat membersihkan tempat yang paling kotor, tetapi tanah boleh, baru diikuti dengan air. Air di atas bumi boleh menyerap ke bawah bumi menjadi bersih kerana proses daripada tanah. Tegasnya tanah boleh mensucikan ganti air. Dengan sebab itu banyak sudah dalam arena hidup dua beradik sanggup bunuh-membunuh kerana harta, iaitu tanah walaupun tanah itu sekangkang kera luasnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu ada tanah yang tidak diselesaikan hakmilik walaupun sudah setengah kurun lamanya. Namun demikian, ada manusia yang sanggup berkorban apa sahaja, sanggup memberi tanah untuk faedah ramai—wakaf, kerana harta dapat dilihat sekian-sekian luas, sekian-sekian nilai, tetapi ada manusia dapat melihat tanahnya itu menjadi bertambah besar, bertambah bernilai setelah diwakafkan dan digunakan untuk faedah orang ramai. Justeru itu dalam membahas pindaan Akta ini, saya mengemukakan pandangan saya untuk kajian pihak-pihak yang berkenaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya berapa lama, Yang Berhormat?

Tuan Saidin bin Mohamad: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masih ada satu lagi Rang Undang-undang,

Tuan Saidin bin Mohamad: Ya. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana keadaan pun, patut juga Kerajaan mempertimbangkan dari rasa perikemanusiaan di atas mana-mana pengambilan tanah dengan membayar harga pampasan yang berpatutan. Uniuk pengetahuan, biasa tanah kepunyaan rakan saya bekas seorang kakkangan Kerajaan, tanahnya diambil

oleh Kerajaan seluas satu ekar dengan bayaran \$4,000 sedangkan lanah iu dinilai oleh pihak swasta \$16,000 dan nilai semasa \$32,000 walau bagaimanapun terpaksa tanah itu diserahkan juga. Penyerahan dengan nilai \$4,000 satu ekar adalah amat tidak berpatutan walaupun beliau senyum, tetapi senyumannya senyum dalam tangisan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan pengisytiharan Akta baru ini nanti biarlah hendaknya semua tanah milik seseorang, milik sementara TOL atau milik usaha diisytiharkan serentak menjadi hakmilik tetap. Perakuan pemunya-pemunya ataupun pemilik tanah itu boleh dibuat oleh Penghulu ataupun Peggawa Mukim di tiap-tiap negeri masing-masing. Saya ulangkan sekali lagi bahawa saya cadangkan demikian kerana ada pemilik-pemilik tanah TOL atau pemilik usaha sudah berpuluh-puluh tahun dimilikinya tetapi belum dibuat geran; disebabkan geran tidak dapat dibuat, bila-bila masa sahaja Kerajaan boleh mengambil tanah seumpama itu dengan tidak membayar apa-apa. Oleh sebab tanah adalah nyawa rakyat, dengan demikian saya cadangkan mendapat pertimbangan bagi pihak Kerajaan bagi sesuatu tanah yang hendak diambil.

Itulah sahaja ucapan saya, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Ghazali.

7.18 mlm.

Jen, (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil masa cuma tiga minit sahaja selewat-lewatnya.

Yang pertama sekali saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini.

Walaupun demikian, saya harap dengan amendment yang dibuat kepada Bill ini, developmeniti itu akan dapat maju lebih baik dan cepat lagi. Walau bagaimanapun, implemenlasi yang diberikan kepada pihak yang berkuasa itu terhadap harta rakyat harus dijaga, dengan izin, with care and compassion seperti mana saudara-saudara saya yang telah nyatakan tadi juga.

Mungkin kurang bernasib baik pada masa dahulu oleh kerana ada juga perkara-perkara yang telah berlaku yang mana tanah itu telah diambil untuk membuat satu-satu projek ataupun apa-apa yang dikatakan memberi manfaat kepada Kerajaan dan juga rakyat. Jadi, amendment ini adalah memberi authority ataupun kuasa yang lebih sedikit kepada Kerajaan supaya dapat Kerajaan mengawasi tanah itu tidak dibiarkan sahaja dan juga tidak rugi kalau kita tidak gunakannya dengan seberapa boleh demi untuk kepentingan rakyat.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, dan juga seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada arbitration melalui mahkamah yang memberi peluang kepada rakyat untuk mencari redress, dengan izin, sekiranya mereka itu tidak senang hati terhadap tanah itu diambil dan selanjutnya. Dengan izin, compassionate package akan dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya diberi kepada sipunya tanah itu. Kita mengetahui tanah harta adalah satu warisan dari nenek-moyang kila. Oleh itu sepertimana yang disebutkan oleh saudara-saudari saya di Dewan yang mulia ini ladi, mereka merasa ragu-ragu kalau-kalaulah perkara ini salah dijalankan oleh pihak yang berkuasa. Di sinilah yang mendatangkan satu keraguan dan juga kemarahan kepada sipunya tanah itu. Pendek kata, apa-apa juga Bil ataupun instruksi, kalau orang

ataupun pegawai yang menjaganya tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan sebaik-baik dan juga dengan seadil-adilnya, perkara buruk ini mungkin akan timbul. Inilah yang pihak kami semua berasa ragu-ragu, tetapi bukan sekali-kali terhadap hasrat Kerajaan untuk mengadakan Bil ini demi untuk kepentingan rakyat.

Saya ulangi, it is the implementor, dengan izin, yang kita hendak jaga-jagakan. Di situlah yang kami hendak menyuarakan keraguan kami, bukan tentang hasrat Kerajaan untuk membuat Bil ini demi untuk kepentingan rakyat.

Jadi inilah yang saya ingin menekankan. Saya mengharapkan juga tanah yang tertentu itu kalau boleh, tidak diusik, iaitu tanah perkuburan. Sebabnya ialah tanah perkuburan itu mahupun kepada orang Islam ataupun Buddhist, ataupun Kristian, sangat-sangat bermakna kepada mereka. Mungkin Kerajaan boleh memberi pandangan yang mendalam supaya dapat juga memikirkan supaya tidak disapu sama sekali dalam Bil ini.

Itulah sahaja yang saya ingin sampaikan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk memberikan jawapan.

7.24 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan saya juga mengucapkan berbilang terima kasih di atas

sokongan-sokongan yang telahpun diberikan. Namun demikian, ada beberapa perkara yang saya fikir patut saya berikan penjelasan-penjelasan sama ada secara umum ataupun secara khusus di atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ingat, inilah salah satu ataupun satu-satunya Rang Undang-undang yang memakan masa yang begitu panjang untuk dibincang dan dikupas sebelum dikemukakan, baik di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara ini. Kerajaan sentiasa sensitif mendengar atau responsive, dengan izin, terhadap pandangan-pandangan daripada semua lapisan masyarakat kita, apatah lagi tuan-tuan tanah ataupun pemilik-pemilik tanah yang ada di negara kita ini.

Sepanjang penelitian yang kita buat, pada hemat saya, sepatutnya Rang Undang-undang ini tidak banyak menimbulkan persoalan ataupun dijadikan satu modal ataupun isu yang kononnya kontroversi kerana niat Kerajaan semata-mata untuk hendak mempercepatkan pembangunan bagi dimanfaatkan kepada rakyat. Tetapi oleh kerana kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen ataupun 'parliamentary democracy', dengan izin di negara kita ini, maka ada golongan-golongan yang telah mengambil soal hendak meminda undang-undang ini sebagai satu modal untuk mencari pengaruh dan apabila itu berlaku, ada pula di antara rakan-rakan kita sendiri yang kadangkala menjadi kusut pemikirannya dan menjadi kabur kefahamannya.

Jadi, saya suka menyatakan di sini bahawa rakyat kita dari semua lapisan dan semua kaum tidak perlu bimbang dan tidak perlu ragu-ragu di atas undang-undang yang hendak dibuat ini. Saya tegaskan bahawa Kerajaan sentiasa sensitif dan resposisif di atas

setiap perkembangan yang berlaku terutama sekali yang ada hubung-kait dengan harta mereka. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sejak kita merdeka sampai hari ini Kerajaan lebih banyak memberi tanah daripada mengambil tanah. Ini dibuat melalui pembukaan rancangan-rancangan tanah seperti FELDA, pemberian milik tanah kepada kampung-kampung baru melalui FELCRA, RISDA dan lain-lain. Jadi ini semua contoh-contoh ringkas yang dalam keadaan masa yang suntuk ini dapat-saya sebutkan.

Tanah yang diambil oleh Kerajaan hanyalah setelah diperhitungkan dengan cermat dan teliti, itu sahaja. Oleh kerana kita mengamalkan apa yang saya katakan sebagai demokrasi berparlimen, di mana rakyat mempunyai kebebasan untuk memberikan pandangan, menghujah dan mengkritik, maka golongan yang tidak bertanggungjawab terutama sekali daripada parti-parti Pembangkang, memanglah mereka mengambil ini sebagai satu modal yang cukup besar yang pada pemikiran mereka boleh memberikan keuntungan politik kepada mereka.

Kebebasan itu pula kita lihat digunakan tanpa batas termasuklah akhbar-akhbar di luar negeri, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay tadi, kononnya Kerajaan hendak mengambil tanah-tanah yang dimiliki oleh swasta. Ini tidak benar dan inilah tujuan musuh-musuh pembangunan yang tidak ingin melihat negara kita ini dapat dipertingkatkan lagi pembangunannya. Mereka harap dengan kempen-kempen yang negatif melalui akhbar-akhbar luar negeri, pelabur asing akan lari, dan tidak akan berhasrat untuk melabur di dalam negara kita ini.

Dan apabila itu berlaku, sudah pasti ini akan memberi kesan kepada kemasukan modal asing. Penubuhan rancangan-rancangan yang boleh memberikari peluang-peluang peker-

jaan kepada anak negeri kita. Ini memang menjadi satah satu daripada tujuan musuh-musuh kita baik yang ada di dalam negeri ini ataupun di luar negeri. Dan Kerajaan maklum akan cara-cara dan tindak-tanduk yang dibuat oleh anasir-anasir yang suka melihat supaya tercetus dan wujud suasana yang tidak tenteram di dalam negara kita ini.

Di dalam sistem demokrasi memang benar kita kata kita perlukan kepada pembangkang. Tetapi apakah bentuk pembangkang yang kita kehendaki di dalam masa kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen itu. Kita perlukan kepada satu jenis pembangkang yang bertanggungjawab.

Tetapi dukacita saya menyatakan di sini bahawa kita di Malaysia ini mempunyai satu pembangkang yang sungguh tidak bertanggungjawab. Sudahlah kita ada pembangkang yang tidak bertanggungjawab seperti DAP, sekarang ini ditokok tambah pula oleh parti-parti pembangkang daripada PAS dan daripada S46 yang menggembar-gemburkan soal isu pengambilan tanah ini. Tujuan mereka semala-mata untuk mengelirukan rakyat. Hendak menukar penumpuan rakyat ke arah pembangunan di negara kita ini. Mereka akan terus putarbelhkan soal Akta Pengambilan Tanah ataupun Undang-undang Pengambilan Tanah yang kita buat ini. Dan saya harap rakyat tidak akan terpedaya. Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. di Perai, DAP telah menggunakan soal pindaan undang-undang terhadap Akta Pengambilan Tanah ini sebagai satu modal yang besar tetapi mereka gagal. Tidak lama lagi akan berlaku pula dua pilihanraya kecil di Kelantan dan saya percaya ini pun satu modal besar. Jadi kita harap kepada rakyat supaya jangan mudah terpedaya dan terpengaruh dengan dakyah-dakyah serta putar-belit yang dilakukan oleh parti-parti pembangkang itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti yang Kerajaan tidak berniat selain daripada hendak mengambil tanah-lanah ini untuk lujuan-tujuan pembangunan rakyat dan negara kita, saya tegaskan di sini juga iaitu satu aspek yang penting disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah tentang soal pelaksanaan.

Saya boleh menegaskan di sini iaitu untuk tujuan melicinkan soal-soal pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran dalam pelaksanaan Akta ini, kita telahpun mengadakan satu garis-panduan. Garispanduan ini telahpun dibincangkan dan dipersetujui oleh semua Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri termasuk Menteri Besar Kelantan atau wakilnya. Dan di dalam garispanduan itu ada aturan dan peraturan, bagaimana caranya soal hendak mengambil tanah itu mesti diuruskan dengan cermat. Dan kita harap dengan adanya garispanduan itu maka dapatlah disempurnakan tugas-tugas ini dengan sebaik mungkin.

Walau pun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya pun sebagai manusia biasa; kita semua bukan Malaikat. Kita ada kelemahan. Mungkinlah di masa-masa yang lampau ada berlaku, mungkin ada. Tetapi melalui garis-panduan ini kita harap akan dapat diwujudkan satu jemcra pentadbiran dan pengurusan yang lebih baik, baik melalui jentera Kerajaan Persekutuan apatah lagi melalui jentera pihak berkuasa negeri yang bertanggungjawab untuk menguruskan soal pengambilan tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya juga berharap terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita supaya kita sama-sama juga mainkan peranan untuk memastikan segala urusan pengambilan tanah ini dapat dikuatkuasakan dengan baik. Dan saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay

terutama sekali dan juga beberapa orang yang lain yang menimbulkan soal penyelewengan ini. Jadi, kita yang memerintah kena yakinlah dengan rakan-rakan kita yang duduk di dalam Kerajaan-kerajaan Negeri itu. Saya tidak menafikan mereka ini bukannya Malaikat, mungkin ada kelemahan di sana-sini, tetapi kita kena yakin bahawa mereka telah diamanahkan untuk mengurus dan mentadbirkan kerja-kerja ini. Kalau kita pula tidak begitu yakin di atas kemampuan, keupayaan rakan-rakan kita ini, ini yang boleh dieksploit oleh parti-parti pembangkang untuk melemparkan berbagai-bagai tuduhan, fitnah terhadap Kerajaan yang sama-sama kita dukung.

Saya percaya dan saya yakin kalau sekiranya urusan pengambilan tanah ini dibuat mengikut garispanduan yang telah dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat itu tidak patut timbul apa-apa masalah ataupun perkara yang boleh menyentuh kepentingan hak rakyat kita untuk memiliki tanah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang suka saya jelaskan di sini ialah tentang soal pampasan. Soal ini pun suka saya berikan jaminan iaitu biasanya bila Kerajaan ambil tanah, kita buat penilaian di atas tanah itu berdasarkan harga pasaran. Kadangkala tanah yang diambil itu memang benar banyak jenisnyalah. Ada tanah pertanian, ada tanah industri, ada tanah untuk perumahan, ada tanah dalam kampung, ada tanah dalam bandar. Jadi nilai pasaran dia itu berbeza-beza. Ini kadangkala timbul, dia mula membanding-bandingkan pampasan yang diberikan.

Dari segi Kerajaan, penilaian itu dibuat oleh penilai-penilai yang berpengalaman dan kalau adapun perbezaan khususnya melalui Akta ini, di situlah tuan-tuan tanah ataupun

pemilik-pemilik tanah boleh mengemukakan kepada Mahkamah untuk dimukiamatkan kadarnya yang sebenar. Dan saya percaya ini boleh diatasi dengan sebaik mungkin.

Kemudian ada pula cadangan sama ada tuan tanah yang telah diambil tanahnya itu untuk diberi peluang mengambil bahagian di dalam sesuatu projek yang dimajukan ke atas tanah yang diambil. Suka saya jelaskan di sini iaitu apabila kita ambil tanah itu, nombor satu kita kena ingat tuan tanah itu sudah kita beri pampasan yang kita fikirkan sesuai. Kalau dia tidak puas hati, boleh pergi ke mahkamah. Tinggal lagi sama ada dia boleh ambil bahagian ataupun tidak di atas satu-satu projek yang hendak dibuat di atas tanah itu, ini pada hemat saya banyak bergantung kepada keadaan dan kesesuaian. Cuma saya boleh beri pandangan iaitu kalau sekiranya sesuai, mungkin itu boleh dilakukan tetapi kalau pada hemat Kerajaan difikirkan setelah diberikan pampasan kita hendak melaksanakan projek itu secepat mungkin, maka pada ketika itu mungkin pula keputusan yang lain dibuat. Tetapi tentang kemungkinan penyertaan tuan tanah dalam satu-satu projek di atas tanah yang diambil, ini saya fikir kita boleh timbangkan mengikut kesesuaian.

Satu lagi ialah tentang tanah-tanah yang lelah diambil tetapi tidak dimajukan kadang-kala bertahun-tahun. Kerajaan mengakui ada perkara semacam itu berlaku tetapi suka saya menjelaskan, biasanya bila Kerajaan sudah mengambil tanah untuk satu-satu projek yang khusus misal kata hospital, sekolah, jalan dan lain-lain, biasanya dilaksanakan mengikut kemampuan dan keupayaan kewangan Kerajaan. Tetapi di satu ketika dahulu kita mengalami zaman meleset di mana Kerajaan berdepan dengan masalah kewangan. Di situ mungkin banyak projek-projek yang telah diambil tanah oleh Kerajaan terbengkalai kerana peruntukan-peruntukan yang tidak

cukup. Ini rasa saya latar belakang di atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haidah tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya pandangan-pandangan yang lain itu saya ambil perhatian dan insya Allah, di mana yang sesuai akan kita ambil tindakan yang sebaik mungkin, cuma pada kesimpulannya, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukan bertujuan untuk hendak menganiaya rakyat kita. Kerajaan Barisan Nasional bukan bertujuan untuk mcrampas harta rakyat dengan sewenang-wenangnya. Ini bukan niat Kerajaan dan saya harap kalau ini dapat kita fahamkan, insya Allah, kita akan dapat melihat negara kita, rakyat kita dipertingkatkan kemajuannya di masa-masa yang akan datang melalui kerjasama di antara Kerajaan dan rakyat dengan cara kita melaksanakan Akta ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan-pandangan yang suka saya berikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasa 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PETROLEUM (LANGKAH-
LANGKAH KESELAMATAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan suatu Rang Undang-undang untuk meminda beberapa fasal di dalam Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984.

Akta-akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 telah diluluskan oleh Parlimen pada 6hb April, 1984 dan telah diterbitkan dalam **Warta** pada 28hb Jun, 1984. Akta ini diwujudkan berikutan daripada perkembangan sektor petroleum yang menyebabkan Ordinan/Peraturan sedia ada pada masa ini menjadi tidak berupaya melindungi perkara-perkara keselamatan dalam industri petroleum.

Sebelum daripada tarikh tersebut, beberapa Ordinan/Peraturan berhubung dengan keselamatan petroleum telah digunakan untuk mengawasi dan menadbirkan industri petroleum iaitu Petroleum Ordinance 1949, Petroleum Regulations 1953, Petroleum Ordinance 1960 (Sabah), Petroleum Rules 1960 (Sabah).

Tuan Yang di-Pertua, semasa menguatkuasakan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 ini, agensi-agensi yang terlibat telah mengenalpasti beberapa kelemahan dan kekurangan terhadap peruntukan-

peruntukan yang terkandung di dalamnya. Agensi-agensi tersebut berpendapat Akta ini perlu dikaji semula dan dikemaskinikan supaya Akta ini menjadi lebih sempurna bagi melicinkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab jabatan-jabatan yang menguatkuasakannya. Berikutan dengan itu Jawatakuasa Kajian Semula Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 telah ditubuhkan.

Dengan cadangan-cadangan pindaan yang dikemukakan Akta ini mempunyai peruntukan-peruntukan undang-undang yang akan meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan aktiviti petroleum yang meliputi bidang-bidang berikut:

- (i) pengangkutan jalanraya dan keretapi;
- (ii) pengangkutan melalui air;
- (iii) pengangkutan melalui udara;
- (iv) pengangkutan melalui talian paip;
- (v) pensetoran dan pengendalian; dan
- (vi) penggunaan kelengkapan, alat, bahan, loji perkakas, bangunan, struktur dan pepasangan.

Bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini pula, beberapa jabatan dan agensi Kerajaan telah diberi kuasa tertentu yang selaras dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Jabatan dan agensi berkenaan seperti Jabatan Kilang dan Jentera, Jabatan Kimia, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Lembaga Pelabuhan Johor, Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Pihak-pihak BerkuasaTempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 16 seksyen Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 ini adalah dicadangkan dipinda bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah

dikenalpasti. Pindaan kepada tafsiran yang terdapat di dalam seksyen 2 Akta melibatkan pindaan takrif.

Fasa 2 Rang Undang-undang Tempat Berlabuh Petroleum Merbahaya digantikan dengan takrif bagi istilah tempat berlabuh petroleum.

Fasa 3 pula bertujuan meminda seksyen 6.

Fasa 4 bertujuan meminda seksyen 7 supaya peruntukan itu akan terpakai bagi petroleum pada umumnya dan tidak akan terbatas pada petroleum kelas 1A dan 1B.

Fasa 5A, 6B dan E, 7B dan F, 9,10 dan 12 Rang Undang-undang adalah bertujuan menghapuskan perbezaan di antara petroleum kelas 1 dan kelas 2 dengan petroleum amnya.

Fasa 11 memperluaskan bidang pemakaian seksyen 13 kepada petroleum kelas 1 dan kelas 2.

Fasa 14 bertujuan meminda seksyen 19 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan dua lesen yang berasingan. Satu bagi pensetoran petroleum dan yang satu lagi bagi pengendalian petroleum.

Fasa 16 bertujuan meminda seksyen 32 Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan).

Demikian juga *Fasa 17* bertujuan meminda seksyen 33(2) supaya apa-apa pembedaan yang dikehendaki dibuat di bawah sub-seksyen 1 hendaklah dilaksanakan tidak lewat daripada 3 thun dari tarikh pengisytiharan di bawah seksyen 28.

Fasa 18 bertujuan meminda seksyen 45 Akta bagi membolehkan peraturan-peraturan dibuat untuk menetapkan fee bagi lesen dan permit yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.

Dan *Fasa 19* bertujuan meminda Seksyen 47.

Fasa 20 pula bertujuan meminda Akta dengan mengadakan satu jadual yang menyatakan suatu senarai keluaran petroleum. Butiran dan huraian yang lebih lanjut adalah sebagaimana terkandung dalam kertas Rang Undang DR.25/91 sebagaimana dibentangkan dalam Dewan ini. Di samping pindaan-pindaan yang telah saya nyatakan secara khusus seperti di atas, terdapat juga pindaan lain yang merupakan pindaan-pindaan berbangkit, (consequential), dengan izin, yang tidak perlu saya sebut secara khusus.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan adanya pindaan kepada Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 ini aspek-aspek keselamatan dapat dikawal dan dikuatkuasakan oleh agensi-agensi yang berkenaan dengan lebih berkesan untuk memastikan perkembangan industri petroleum dapat berlaku dengan teratur dan pesat, tetapi tanpa menjejaskan keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas; Yang Berhormat Tan Sri:

7.57 mlm.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk dua minit sahaja. Yang pertama saya ingin menyokong Rang Undang-undang Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan).

Walau bagaimanapun, saya kurang pasti dari segi pengangkutan melalui laut.

Umpamanya kalau satu kapal itu rapat ke pelabuhan, unloadkan, dengan izin, petrol dan gas khususnya, adakah tanggungjawab membersihkan, menentukan keselamatan itu terletak kepada pihak yang berkuasa on land, dengan izin, ataupun oleh captain ataupun owners of the ship, dengan izin. Saya bertanya ini oleh kerana telahpun berlaku satu kes apabila kapal itu unloadkan minyak dan gas khususnya, ada berlaku minyak tumpah. Denda terhadap itu, saya tidak nampak di sini, Kalau ada berapa beratkah denda itu? Saya ketahui juga denda di atas perkara ini di Korea Selatan, ialah tidak kurang dari US\$30,000. Kalau tidak dibayar denda, kapal itu dirampas. Ketahui saya bahawa denda yang keras itu dikenakan US\$30,000 walaupun tumpah minyak itu satu cawan ataupun satu baldi. Saya percaya perkara ini bagus kalau kita juga tekankan demi untuk keselamatan kita dijaga. Pada hemat saya tiada sebab yang kita tidak boleh buat sepertimana yang dipraktikkan di Korea Selatan dan juga di negara-negara lain yang saya ketahui.

Yang kedua, undang-undang yang telah dibentangkan itu, sekali lagi seperti yang saya sebutkan mengenai undang-undang yang lain juga, sekiranya tidak difahami dan dipraktikkan sepertimana yang patut dibuat, maka undang-undang itu tidak berguna.

Inilah sahaja yang saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri untuk memberikan jawapan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk ketahui kedudukan sebenarnya, ia terkandung di dalam Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan). Jadi, saya tidak dapat memberi jawapan khusus. Walau bagaimanapun, saya akan menyerahkan kepada Yang Berhormat atas pertanyaan tersebut,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasa 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menangguhkan mesyuarat ini kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.57 malam.